



● BIL 276 ● 23 - 29 OGOS 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

PUAS HATI

▶▶ 3

**Dimensi berbeza Floria
Diraja Putrajaya 2024**
>>> 7

**Pelajar jadi mangsa
akaun keldai**
>>> 9-11

**Minggu berita gembira
untuk Malaysia**
>>> 18

Kontroversi kenyataan Mahiaddin

CENDERUNG HASUT ORANG RAMAI

SYED HAZIQUE

KENYATAAN kontroversi Tan Sri Mahiaddin Md Yassin pada ceramah Pilihan Raya Kecil (PRK) Nenggiri sangat keterlaluan dan menimbulkan kecenderungan menghasut orang ramai.

Felo Majlis Profesor Negara dan Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara, **Profesor Dr Azmi Hassan** berkata sebagai seorang yang berpengalaman dalam arena politik dan juga bekas Perdana Menteri, beliau seharusnya menjaga sensitiviti agar tidak keterlaluan ketika berkempen.

Menurut Azmi, jika diteliti rakaman yang tular bekas Perdana Menteri tersebut melakukan satu pertuduhan yang secara sengaja menyentuh sentimen raja, agama dan kaum (3R).

“Dalam hal ini, dapat dilihat kenyataan yang dilakukan oleh Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), pada ceramah PRK Nenggiri agak keterlaluan malah isu yang dibangkitkannya itu telah berlaku hampir dua tahun lepas.

“Terdapat dua pertuduhan signifikan yang cuba dilontarkan oleh Mahiaddin, di mana yang pertama menuduh Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah tidak berlaku adil dan seolah-olah melanggar atau tidak mematuhi kehendak perlembagaan.

“Kedua pula adalah hasutan, di mana jika dilihat, bekas Perdana Menteri itu, cuba memberi persepsi kepada masyarakat bahawa Kerajaan Persekutuan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah tidak sah,” katanya ketika dihubungi Wilayahku baru-baru ini.

Tambah Azmi, ahli politik tidak sepatutnya menggunakan isu 3R bagi meraih undi atau simpati mudah daripada masyarakat.

“Jika dilihat, kebanyakan (ahli politik) yang menggunakan sentimen 3R ini adalah demi manfaat politik peribadinya kerana itu adalah kerja paling senang bagi meraih undi serta perhatian masyarakat.

“Mereka tidak perlu buat kerja rumah, tidak perlu sediakan data atau statistik umpamanya, tetapi jika dimainkan sentimen 3R ini, boleh memperoleh simpati serta meraih undi dan sebagainya,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Azmi berkata seseorang individu yang mempunyai pengaruh yang kuat seperti Mahiaddin tidak sepatutnya menggunakan sentimen 3R bagi meraih undi.

“Sepatutnya orang seperti beliau (Mahiaddin) yang mempunyai pengalaman luas dalam arena politik beri contoh yang baik. Kalau nak berkempen secara retorik itu boleh tetapi guna isu-isu yang lain tanpa menyentuh sentimen 3R,”

katanya.

Azmi menegaskan beliau menyeru pemimpin politik untuk sentiasa menjaga 3R demi keharmonian negara.

“Ahli-ahli politik sepatutnya menjadi contoh yang terbaik kepada orang ramai untuk tidak menyentuh berkenaan isu 3R atau menyalahgunakannya demi manfaat peribadi.

“Setiap ahli politik diingatkan sekali lagi untuk kekal menjaga keharmonian negara dan bangsa serta tidak menjadikan isu 3R sebagai hujah utama ketika berkempen dalam Pilihan Raya Kecil atau Pilihan Raya Umum,” tegasnya.

Azmi berkata mana-mana individu wajar dikenakan tindakan terhadap kecuaiannya di dalam mempermainkan isu 3R yang boleh mengganggu semangat perpaduan kaum di negara.

“Sentimen-sentimen isu 3R tidak wajar dipolitikkan kerana ia mampu menimbulkan keresahan terhadap masyarakat berbilang kaum di negara ini.

“Mana-mana individu sewajarnya dikenakan tindakan yang setimpal bagi memberi pengajaran agar perkara sebegini tidak lagi berulang di masa hadapan,” ujarnya.

Malah Azmi menambah, Pengerusi Perikatan Nasional itu seharusnya membuat permohonan maaf secara terbuka serta penjelasan terhadap perkara tersebut. 



ISTANA Abdulaziz mengeluarkan kenyataan berhubung kemurkaan Tengku Mahkota Pahang terhadap tindakan Mahiaddin.

Tindakan tegas tanpa kompromi

TENGKU Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah menzahirkan kemurkaan dan rasa amat terkilan atas tindakan Tan Sri Mahiaddin Md Yassin yang secara sengaja dan sinis telah memperlekeh serta mempertikai tugas dan peranan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan Istana Abdulaziz, Tengku Hassan menggesa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan yang tegas tanpa kompromi terhadap Pengerusi Perikatan Nasional terbabit yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R (raja, agama dan kaum).

“Sebagai seorang bekas Perdana Menteri dan ahli politik veteran, kenyataan beliau tersebut memanipulasi fakta dan membawa naratif negatif kepada rakyat bahawa Al-Sultan Abdullah seolah-olah tidak berlaku adil semasa memilih Perdana Menteri ke-10.

“Kenyataan beliau ini juga kelihatan tidak matang, menampakkan seolah-olah beliau masih tidak boleh menerima kenyataan yang beliau tidak dilantik sebagai Perdana Menteri.

“Kenyataan yang dikeluarkan ini juga adalah sangat bahaya kerana secara terang-terangan menghasut rakyat agar hilang kepercayaan terhadap Institusi Raja-Raja Melayu serta memecahbelahkan rakyat,” titah baginda.

Tengku Hassan bertitah berdasarkan Perkara 40(2) Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri dilantik atas budi bicara Yang di-Pertuan Agong yang berperanan sebagai Ketua Negara.

Baginda bertitah, manakala Perkara 43(2) pula menetapkan bahawa Perdana Menteri haruslah dilantik dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mendapat kepercayaan majoriti ahli

dewan tersebut.

“Sungguhpun begitu, Al-Sultan Abdullah tidaklah sewenang-wenangnya membuat keputusan untuk melantik Perdana Menteri walaupun perlembagaan memberikan kuasa mutlak kepada baginda.

“Al-Sultan Abdullah, semasa itu telah memanggil pakar-pakar perlembagaan, penjawat awam utama negara dan yang terakhir turut secara musyawarah mendapatkan pandangan daripada Majlis Raja-Raja dan akhirnya barulah pelantikan Perdana Menteri semasa itu dibuat.

“Parlimen juga telah meluluskan usul undi percaya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Disember 2022.

“Sehubungan itu, keputusan undi percaya tersebut adalah jelas dan selari dengan pertimbangan Al-Sultan Abdullah semasa baginda memilih Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri,” titah baginda.

Tengku Hassan bertitah agar pihak PDRM mengambil tindakan yang tegas tanpa kompromi kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R.

“Saya juga ingin menasihatkan kepada semua ahli politik, selaku pemimpin rakyat, mestilah sentiasa berpegang teguh pada Prinsip Rukun Negara dan terus-menerus untuk sentiasa menyatupadukan rakyat.

“Agar Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dapat menjadi sebuah negara maju, cemerlang ekonomi, alam sekitarnya lestari dan rakyatnya bahagia,” titah baginda.

Sebelum ini, tular di media sosial ucapan Mahiaddin yang dikatakan menyentuh kewibawaan Al-Sultan Abdullah ketika baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-16 ketika ceramah umum Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Nenggiri di FELDA Perasu pada 15 Ogos lalu. 


Belum ada ketetapan larang guna Telegram

KERAJAAN belum mengambil sebarang ketetapan untuk melarang penjawat awam daripada menggunakan aplikasi Telegram seperti mana dilaksanakan di Belanda, kata Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil**.

Beliau berkata isu berkaitan keselamatan membabitkan penjawat awam diuruskan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

“Kita belum mengeluarkan sebarang arahan, kebiasaannya aspek keselamatan ini diuruskan oleh CGSO, namun pada waktu ini kita belum menerima apa-apa arahan serupa,” katanya pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri.

Sebelum ini, media antarabangsa melaporkan Majlis Perbandaran Amsterdam melarang pekerja kerajaan menggunakan aplikasi



KERAJAAN belum buat ketetapan larang penjawat awam guna Telegram. - Gambar hiasan

Telegram di telefon bimbit mereka kerana bimbang risiko diintip.

Lapor radio BNR pada Isnin

lalu, memetik Alexander Scholtes, Ahli Majlis Perbandaran yang bertanggungjawab terhadap dasar teknologi maklumat di bandar raya itu mengesahkan kepada stesen radio itu bahawa larangan berkenaan telah dilaksanakan pada penghujung April, walaupun ia tidak didedahkan kepada umum sehingga kini.

Beliau berkata aktiviti jenayah dalam aplikasi dan risiko pengintipan sebagai alasan utama keputusan berkenaan, menurut laporan itu.

“Pegawai itu juga menyifatkan Telegram sebagai tempat perlindungan selamat untuk penggodam, penjenayah siber, dan pengedar dadah,” lapor BNR.

Walaupun Telegram pada asalnya dicipta di Rusia, ibu pejabatnya kini terletak di Dubai dengan syarikat itu secara rasmi didaftarkan di Kepulauan Virgin. 

Tingkat produktiviti depan cabaran

KONGRES Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berkata reformasi dalam perkhidmatan awam adalah suatu proses berterusan dalam mengangkat imej dan kualiti perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Presidennya, **Datuk Adnan Mat** berkata setiap penjawat awam yang menjadi tulang belakang kepada perkhidmatan awam perlu mempunyai nilai-nilai yang baik dan mengamalkan budaya intergriti yang tinggi.

"Ini bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada negara dan rakyat boleh dirasai oleh kumpulan sasar seterusnya dapat meningkatkan tahap keyakinan kepada perkhidmatan awam," katanya.

Menurut Adnan, CUEPACS percaya tidak semua penjawat awam terpaliti dengan isu-isu nilai dan intergriti.

Bagaimanapun, beliau berkata CUEPACS mahu sebolehnya mungkin untuk penjawat awam tidak bertoleransi dengan budaya negatif yang boleh dikaitkan dengan budaya kerja penjawat awam.

"CUEPACS yakin penjawat awam sentiasa berusaha untuk memaksima sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat atau kumpulan sasar.

"Justeru itu, segelintir mereka yang terlibat dengan amalan-amalan negatif wajib dikenakan tindakan yang sewajarnya supaya tidak menjadi barah dalam kalangan penjawat awam dan institusi itu sendiri," katanya.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji



ANWAR ketika berucap pada MAPPA XIX 2024 di PICC, Putrajaya.

sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT).

Anwar berkata pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) mestilah berdasarkan prestasi yang cemerlang.

Beliau berkata SSPA yang dirangka itu bukanlah semata-mata pembaharuan yang akan dinikmati oleh semua penjawat awam.

Anwar berkata penjawat awam

yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik, culas dan sering tidak hadir ke pejabat tanpa kelulusan Ketua Jabatan tidak akan diberikan ganjaran.

Sementara itu, Adnan berkata amalan kita jaga kita perlu dilihat dalam konteks yang positif untuk perkhidmatan awam.

Beliau berkata ibarat pendekatan *carrot and stick*, mereka yang bersalah perlu diambil tindakan dan yang bertanggungjawab dalam tugas perlu diberikan ganjaran yang baik untuk menjadi contoh teladan buat yang lain-lain.

"Melalui pengumuman oleh Perdana Menteri baru-baru ini, jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan

terhadap kebajikan penjawat awam yang selama ini CUEPACS perjuangkan.

"Alhamdulillah ia telah membuahkan hasil, walaupun ada pelbagai cakap-cakap di luar sana mengenai pengumuman kerajaan ini. Ia tidak sepatutnya kita dengari dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang tidak berasas,"

katanya.

"Apa yang penting hari ini penjawat awam perlu berazam dan menyusun tekad untuk berjuang bersama-sama kerajaan bagi menaikkan lantai pendapatan rakyat serta meluaskan siling ekonomi negara. Ini agar manfaatnya akan dapat dirasai oleh kita semua," ujar beliau.

PELARASAN GAJI			
	Pelaksana	Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pengurusan Tertinggi
Fasa 1: 1 Disember 2024	8%		4%
Fasa 2: 1 Januari 2026	7%		3%

SIMULASI JUMLAH PENDAPATAN BULANAN			
	Pendapatan Bulanan (November 2024)	Pendapatan Fasa 1 (Disember 2024)	Pendapatan Fasa 2 (Januari 2026)
Pembantu Hidupan Liar Gred G11	RM1,795.00	RM2,115.00	RM2,327.00
Jururawat Gred U29**	RM2,457.00	RM2,697.00	RM2,994.74
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41(T5)**	RM3,838.00	RM4,085.04	RM4,559.24
Prebet (Askar) Gred ZA1**	RM2,379.00	RM2,619.00	RM2,857.63
Konstabel Polis Gred YA1**	RM2,256.00	RM2,496.00	RM2,726.02

Nota:
 * Pendapatan + Gaji Pokok + Elaun
 ** Tidak Termasuk elaun khusus

Kenaikan gaji penjawat awam

EKONOMI LEBIH AGRESIF

PELARASAN gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dilihat mampu melonjak ekonomi negara, kata Penganalisis Politik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Bilcher Bala**.

Beliau berkata kenaikan gaji itu boleh menggerakkan aktiviti ekonomi lebih agresif melalui langkah penjawat awam berbelanja.

"Penjawat awam juga boleh melabur gaji mereka dalam saham kerajaan bukannya untuk simpanan bank swasta," katanya kepada Wilayahku.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan

Profesional.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT).

Pelaksanaan pemberian pelarasan gaji itu akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

Anwar membuat pengumuman itu pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-19 (MAPPA XIX) 2024.

Anwar berkata pelarasan gaji bagi pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah

sebanyak lapan peratus pada Fasa 1 dan tujuh peratus pada Fasa 2 manakala untuk KPT adalah 4 peratus bagi Fasa 1 dan 3 peratus

bagi Fasa 2.

Mengulas lanjut, Bilcher berkata dengan pelaksanaan gaji baharu yang mengatasi paras kemiskinan dapat memberi peluang pejawat awam kumpulan pelaksana untuk layak membayar cukai.

Beliau berkata kerajaan dapat menambah pendapatan negara yang lebih tinggi melalui kutipan cukai pendapatan individu pada masa akan datang.

"Selama ini golongan penjawat awam kumpulan pelaksana iaitu gred 40 ke bawah terima gaji sangat rendah yang secara tidak langsung sama ada membayar cukai yang amat rendah atau langsung tidak layak membayar cukai," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Politik dari Universiti Malaya (UM), **Profesor Madya Dr Awang Azman**

Awang Pawi berkata kerajaan perlu melihat semula rangka kerja menyeluruh menangani isu integriti dan rasuah.

Beliau berkata ini sesuai dan seiring perkembangan zaman dan teknologi.

Menurutnya, struktur ekonomi penjawat awam telah ditangani dengan kenaikan gaji oleh Anwar.

Bagaimanapun, struktur undang-undang lapuk perlu dikaji sesuai dengan perubahan dan keperluan sebenar.

"Ini bagi menangani punca-punca dan cara menangani secara undang-undang dengan lebih kemas kini," katanya.

Dalam pada itu, Awang Azman berkata jawatan Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) perlu diaktifkan dan mendapat dukungan besar

sesuai dengan tekad reformasi penjawat awam idaman Anwar.

"Ketua Setiausaha Negara (KSN) perlu pastikan GIACC menjadi institusi semak dan imbang kepada penjawat awam khususnya dalam mencegah dan membanteras rasuah dalam kalangan elit teknokrat negara," katanya.

Sementara itu, Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara, Profesor Dr Azmi Hassan berkata penghargaan perlu diberikan kepada penjawat awam berikutan sebelum ini menerima gaji tidak setimpal dengan kerja mereka.

Beliau berkata reformasi dalam penjawat awam soal kedua, tetapi sebaliknya perlu menghargai pengorbanan penjawat awam.

"Ramai yang tidak berpuas hati dengan kenaikan penjawat awam tetapi perlu dilihat mereka menerima gaji tidak setimpal berbanding rakan mereka yang bekerja di swasta," katanya.



BILCHER



AWANG

Kerajaan tawar peluang kembang perniagaan

INSENTIF UNTUK USAHAWAN

KHAIRUL IDIN

KOPERASI dan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil Sederhana (PMKS) di Labuan diseru merebut dan memanfaatkan pelbagai inisiatif yang disediakan kerajaan bagi membantu mengembangkan perniagaan.

Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), **Datuk Ewon Benedick**, kementerannya melalui agensi sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa agar semua lapisan masyarakat dapat dibantu.

Katanya, ini adalah penting bagi membangunkan usahawan PMKS dan koperasi di wilayah ini seiring pembangunan usahawan dan koperasi di seluruh negara.

"Inisiatif dan kemudahan yang disediakan termasuklah akses kewangan seperti pinjaman, geran bantuan dan beberapa dana yang telah diperuntukkan oleh agensi di bawah KUSKOP.

"Selain Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), agensi-agensi KUSKOP lain seperti TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), SME Corp, SME Bank, PERNAS termasuk Bank Rakyat dan Coop Bank Pertama turut menyediakan insentif dan dana pembiayaan yang terbuka kepada semua entiti perniagaan termasuklah koperasi," katanya di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Labuan,



EWON (tengah) merasmikan Jualan Madani Koperasi (JMK) pada Program Memasyarakatkan Gerakan Koperasi.

Datuk Suhaili Abdul Rahman dan Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek.

Mengulas lanjut, Ewon menjelaskan KUSKOP melalui SKM menyediakan dana sebanyak RM2.5 juta kepada ANGKASA tahun ini untuk pembangunan aktiviti perniagaan koperasi di seluruh

negara.

"Daripada jumlah itu, RM2 juta adalah untuk membiayai Program Pembangunan Koperasi melalui ANGKASA dan selebihnya untuk Tabung Pendidikan ANGKASA," katanya.

Jelasnya, selain dana untuk pembangunan koperasi, KUSKOP

juga menyediakan dana khusus untuk koperasi yang terlibat dalam industri pelancongan iaitu Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) yang telahpun dilancarkan pada Mei lalu.

"Melalui Program JEJAK, koperasi-koperasi akan dibantu dalam aspek promosi dan pemasaran produk mahupun perkhidmatan koperasi

yang terlibat dalam industri ini seperti penjagaan kesihatan, hospitaliti dan seni kraf.

"Kita berharap Program JEJAK dapat membantu meningkatkan penglibatan koperasi dalam merencanakan lagi industri pelancongan negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya.

Beliau berkata bagi membantu rakyat menangani kos sara hidup, KUSKOP juga menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta tahun ini untuk melaksanakan Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU).

"Melalui Program JMKU, orang ramai bukan sahaja berpeluang mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga yang lebih murah (20 hingga 30 peratus) daripada harga biasa tetapi membantu melonjakkan pendapatan koperasi yang bertindak sebagai operator jualan," katanya.

Terdahulu, sehingga 31 Julai 2024, sebanyak 72 Program JMKU dilaksanakan dengan jumlah insentif yang diluluskan sebanyak RM1.82 juta dan jumlah jualan yang direkodkan sebanyak RM6.46 juta.

Pelaksanaan Program JMKU tersebut telah memberi manfaat kepada 212,050 orang pengguna melalui barangan keperluan asas yang dijual oleh 230 operator jualan yang dilantik oleh SKM. 

17 peratus penduduk Labuan hidap diabetes

BERDASARKAN laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi tahun lalu (NHMS 2023) mendedahkan seramai 11,724 orang atau 17 peratus penduduk di Labuan menghidap diabetes.

Ahli Dewan Negara, **Senator Tan Sri Anifah Aman** berkata lebih dari setengah juta atau 2.5 peratus (%) orang dewasa di Malaysia menghidap empat penyakit tidak berjangkit iaitu diabetes, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan obesiti.

"1 daripada 6 bersamaan 15.6% orang dewasa menghidap diabetes. Di Labuan pada tahun 2023, pesakit diabetes adalah seramai 11,724 orang atau 17% lebih tinggi dari data kebangsaan.

"Sementara 29.2% orang dewasa mengalami tekanan darah tinggi. Kes darah tinggi di Labuan pada tahun 2023 adalah 25.3% bersamaan 17,094 orang," kata beliau kepada pemberita pada Karnival Labuan Sihat sempena Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) peringkat Labuan 2024.

Anifah berkata situasi semasa kesihatan terutamanya penyakit tidak berjangkit atau *Non-Communicable*



ORANG ramai ketika melakukan saringan kesihatan pada Karnival Labuan Sihat.

Disease (NCD) di negara ini berada dalam keadaan membimbangkan dengan beban kewangan yang tinggi perlu ditanggung oleh kerajaan dalam rawatan pesakit.

"Oleh itu, penganjuran BMSS ini

merupakan satu inisiatif di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) untuk merealisasikan hasrat kerajaan ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera," katanya. 

Potensi raih RM8 bilion

LAWATAN ke India berjaya membuahkan hasil apabila Malaysia meraih potensi perdagangan berjumlah RM8 bilion dalam sektor minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, bahan kimia dan produk kimia, minyak dan gas serta alat ganti kapal terbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata selain itu Malaysia juga berjaya mendapatkan komitmen pelaburan bernilai RM4.5 bilion daripada pelbagai sektor serta syarikat di negara ini.

"Nilai perdagangan Malaysia-India pada 2023 berjumlah RM72.31 bilion (AS\$16.53 bilion) dengan 168 projek pelaburan dilaksanakan sehingga Mac 2024 bernilai RM4.5 bilion yang bakal

mewujudkan 16,640 peluang pekerjaan," kata beliau yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke India pada Rabu.

Anwar berkata lawatan ke India kali ini turut menyaksikan permeteraian lapan *M e m o r a n d u m* Persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan India serta tujuh MoU B2B (Perniagaan kepada Perniagaan) antara kedua-dua negara.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri India, Narendra Modi, kerana mengundang saya untuk lawatan rasmi ke India yang sangat memuaskan," kata beliau kepada media Malaysia selepas berakhirnya lawatan tersebut.

- **BERNAMA**

Dituduh raih populariti di sebalik isu Palestin

DAKWAAN TAK BERASAS

KECOH dalam media sosial apabila ada yang mendakwa kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempergunakan isu Palestin untuk meraih sokongan rakyat.

Dakwaan yang tidak berasas itu turut mengatakan banyak lagi negara lain yang berperang namun Anwar tetap memilih untuk membantu Palestin kerana isu itu tersebut popular.

Malah langkah membawa rakyat Palestin yang cedera untuk dirawat di negara ini turut dipertikaikan sedangkan ia merupakan tanggungjawab kecil yang dilakukan atas dasar belas kasihan dan ihsan terhadap rakyat Palestin yang cedera parah akibat menjadi mangsa kezaliman Zionis Israel.

Tuduhan yang agak melampau dengan mengkritik serta mengecam tindakan tersebut menimbulkan rasa kesal Perdana Menteri.

"Kezaliman Israel menembak, bom, hancurkan rumah, bunuh bayi dan wanita, malah baru-baru ini lelaki dipenjarakan, ada yang diperkosa, kemudian kita bawa balik, itu pun dicerca, ada orang kata Anwar tak payah jadi Perdana Menteri Malaysia, pergi jadi Perdana Menteri Palestin kalau nak tolong sangat.

"Orang mati terkorban, diseksa, duduknya jauh. (Sebelum ini) ada yang lain datang lagi ramai, Rohingya ratus ribu... banyak negara jiran datang minta pertolongan, dulu pelarian Aceh, ada pergaduhan, maka ada juga kita simpan di sini untuk beri perlindungan sehingga



RAKYAT Palestin tiba di Pangkalan Udara Subang, Selangor. - Foto: BERNAMA

keadaan reda," kata beliau.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program MADANI Rakyat 2024 Zon Selatan di Dataran UTM, Skudai, Johor Bahru, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata tidak cukup dengan itu, pihak pembangkang langsung tidak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan ataupun menzahirkan tahniah kepada anggota Tentera

Udara Diraja Malaysia (TUDM), sebaliknya melabel kerajaan sebagai ejen Yahudi, ejen Amerika Syarikat dan ejen Israel.

"Saya harap bukanlah minda kita sedikit, ini negara pertama di Asia yang beri rawatan kepada rakyat Palestin sebab apa kita jadi negara pertama di Asia lakukan? Kerana barisan Jemaah Menteri, Kerajaan Negeri sepakat dalam Kerajaan Perpaduan untuk sama-sama

jalankan tanggungjawab bersama," katanya.

Terdahulu, dua pesawat Airbus A-400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang membawa 41 pesakit dan 86 waris rakyat Palestin selamat tiba di Pangkalan Udara Subang, Selangor.

Kesemua pesakit dibawa ke hospital medan yang didirikan di hangar pangkalan udara berkenaan bagi saringan kesihatan.

Banyak perkara positif dicapai



KEJAYAAN perkembangan ekonomi negara membabitkan kerjasama semua pihak.

PENCAPAIAN ekonomi Malaysia yang positif pada suku kedua tahun ini disebabkan pelbagai agenda disusun Kerajaan Perpaduan menerusi kerangka Ekonomi MADANI.

Namun ada sahaja pihak yang tidak berpuas hati dan berterusan menuduh kerajaan tidak melakukan apa-apa bagi meningkatkan ekonomi negara.

Tular di laman sosial memperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pernah berjaya menaikkan ekonomi sepanjang pemerintahan beliau malah keadaan rakyat semakin tenat dihipit dengan kos sara hidup yang tinggi.

Menepis dakwaan tersebut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata jika kerajaan tidak melakukan apa-apa maka kadar pertumbuhan negara tidak mungkin mampu mencapai 5.9 peratus suku tahun ini.

"Jika tidak ada pengumuman menerusi Program MADANI Rakyat tak tahu apa perkara positif negara capai. Maka timbul lah pandangan-pandangan negatif dan hasutan,

seolah-olah tidak ada apa yang dilakukan kerajaan.

"Kita lihat kejayaan perkembangan ekonomi negara membabitkan kerjasama semua pihak iaitu kerajaan swasta, penjawat awam, rakyat, pekerja, petani, pekebun kecil sehinggalah nelayan.

"Semuanya ini menyebabkan keyakinan pelabur dengan ringgit antara mata wang yang peningkatannya terkuat di rantau kita, alhamdulillah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024 di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru.

Baru-baru ini, ekonomi Malaysia pada suku kedua 2024 dilaporkan berkembang sebanyak 5.9 peratus mengatasi unjuran awal 5.8 peratus yang diumumkan bulan lalu dan pertumbuhan yang tertinggi sejak suku keempat 2022.

Pertumbuhan tersebut dipacu oleh peningkatan ketara perbelanjaan isi rumah dan pasaran kerja yang kukuh serta sokongan dasar yang lebih meluas.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

29/6-28/9/24: MYARTS@JKKK 2024 @ MaTIC KL Lobby

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

22/8/24 - 1/9/24: Royal Floria 2024 Putrajaya @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

31/8-1/9/24: Kejohanan Sepakan Penalti @ Dataran La

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Tadbir Kuala Lumpur

MAIMUNAH PEGANG PRINSIP 4P

SYED HAZIQUE

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif memegang prinsip 4P (*Public, Private, People, Partnership*) dalam urusan pentadbiran beliau sebagai peneraju bandar raya Kuala Lumpur.

Menurut Maimunah, beliau amat percaya kepada proses rakyat dan prinsip perkongsian awam, swasta dan rakyat.

"Justeru, buat masa ini saya ingin mendengar semua rakyat Malaysia, warga Kuala Lumpur, pihak berkepentingan dan rakan sekerja saya untuk memahami dan menggalas cabaran ini.

"Saya berharap mendapat kepercayaan anda supaya bersama-sama boleh menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar pintar yang berdaya tahan, mampan dan berpaksikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada satu sidang akhbar selepas merakam waktu masuk kerja pertama selaku Datuk Bandar Kuala Lumpur di Menara DBKL baru-baru ini.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan surat pelantikan kepada Maimunah bagi menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu menggantikan Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Pelantikan berkenaan mendapat perkenaan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, selaras dengan Subseksyen 4(2), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

Beliau dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 berkuat



MAIMUNAH (tengah) ketika merakamkan waktu masuk kerja pertama di Menara DBKL.

kuasa pada 15 Ogos lepas.

Maimunah turut berkongsi hasil pertemuan beliau dengan Perdana Menteri baru-baru ini, bahawa cita-citanya untuk bekerjasama bagi meningkatkan imej global Kuala Lumpur berikutan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN 2025.

"Amat penting untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar budaya dan kreativiti, bukan hanya ditumpukan kepada pembangunan terancang serta mampan sematamata.

"Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu kota yang mengekalkan warisan, identiti budaya, maju dalam pembangunan ekonomi tempatan yang dapat menarik pelabur.

"Kita mesti memastikan dapat melindungi mata pencarian, meningkatkan kualiti hidup dan menjadikan bandar ini lebih berdaya tahan terhadap iklim ekstrem," katanya.

Sementara itu, Maimunah turut

memberi amaran bahawa tiada tolak ansur atau sifar toleransi terhadap rasuah.

Menurut Maimunah, beliau mahu menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lebih berintegriti, berakuntabiliti dan telus.

"Ia sangat penting untuk kita menjaga integriti, akauntabiliti serta telus dalam menjalankan tugas supaya lebih eifisien dan efektif," katanya.

Tambah Maimunah, beliau turut mengharapkan kerjasama daripada semua pihak termasuk kakitangan DBKL dalam memerangi gejala rasuah secara habis-habisan.

"Saya difahamkan terdapat kes membabitkan pegawai dan penguat kuasa DBKL.

"Saya telah berbincang dan memberikan arahan kepada semua kakitangan DBKL untuk bantu saya, saya seorang tidak boleh melakukannya.

"Saya juga meminta ketua-ketua jabatan dan pengarah eksekutif untuk pantau dan beri pendidikan selain bekerjasama dengan rakan agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," ujarnya.

Jelas Maimunah, beliau mahu menjadikan DBKL sebagai sebuah PBT yang berintegriti tinggi justeru tidak akan bertoleransi terhadap jenayah rasuah.

"Kita mendidik bahawa gejala rasuah itu adalah salah, kemudian kita ambil tindakan, tapi kalau sampai satu tahap, membimbangkan saya tidak teragak-agak untuk ambil tindakan, sebab kita ingin jadikan DBKL satu PBT yang berintegriti tinggi.

"Ia juga berbalik kepada kesedaran individu, sebab bila ambil rasuah sekali, ia akan mengulangi perbuatan tersebut, sebab jati diri itu hilang.

"Saya beri amaran keras, jangan ambil rasuah, saya tidak akan teragak-agak untuk ambil tindakan jika ada bukti sah," tegasnya. 1

Rai kakitangan bertugas

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif meraihan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terlibat dengan penganjuran Floria Diraja Putrajaya 2024 di dalam satu Majlis Jamuan Penghargaan Kakitangan Bagi Penglibatan Laman Pameran Floria 2024 bertempat di Laman Presint 2, Putrajaya pada Isnin.

Beliau menzahirkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada semua kakitangan daripada jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

"Ia bersesuaian dengan tema acara tahun ini iaitu Raikan Bersama! yang bertujuan memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga kerja DBKL.

"Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua yang terlibat dan meletakkan harapan agar semua pihak untuk sentiasa komited dan bersatu padu dalam mencapai kecemerlangan demi memartabatkan nama baik DBKL," ujarnya.

Menurut Maimunah, Floria Diraja Putrajaya 2024 merupakan



MAIMUNAH meraihan kakitangan DBKL yang terlibat.

penglibatan DBKL kali ke-13 sejak ia diadakan pada tahun 2007.

"Kepada semua warga kota, ayuh kita hadir beramai-ramai ke Floria Diraja Putrajaya 2024 bagi memeriahkan lagi Laman Pameran DBKL," ujarnya.

Dalam majlis tersebut, beliau turut melawat ke Laman Pameran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi

meninjau persiapan akhir sebelum Floria Diraja Putrajaya berlangsung pada 22 Ogos sehingga 1 September 2024.

Turut hadir Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, Mohamad Hamim dan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk LAr. Ismail Ngah. 1

Tindakan sita serta-merta

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Kepong menjalankan operasi tindakan khas pindah halangan ke atas premis perniagaan yang dijalankan oleh warga asing serta premis yang menggajikan warga asing di sekitar Parlimen Kepong.

Memetik kenyataan di laman Facebook, sebanyak empat premis telah dikenakan tindakan penguatkuasaan di mana tiga telah dikenakan tindakan sita serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Satu premis dikenakan tindakan kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016. Kesemua barangan yang diambil tindakan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman

Miharja Cheras, Kuala Lumpur. "Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti," ujar kenyataan itu.

Dalam perkembangan lain, DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan serta Pejabat Cawangan Seputeh melaksanakan tindakan sitaan dan pindah halangan terhadap penjaja di sekitar Jalan Batu 4 1/2, Jalan Klang Lama.

Melalui tindakan khas itu, DBKL menjalankan enam kes sitaan dan pindah halangan menerusi peruntukan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Antara barangan yang disita adalah meja, kerusi plastik, kanopi, tong gas dan lain-lain peralatan. 1



Floria Diraja Putrajaya 2024

BAWA DIMENSI BERBEZA

SABRINA SABRE

FLORIA Diraja Putrajaya 2024 membuka tirai pada 22 Ogos hingga 1 September dengan penuh warna-warni. Segala persiapan dan perancangan disusun rapi dalam usaha melancarkan festival bunga dan taman yang membawa dimensi baru dengan tarikannya yang tersendiri.

Festival kali ke-13 yang diadakan di Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya itu menyasarkan kehadiran lebih daripada 1 juta orang pengunjung. Pembukaan acara yang bermula pada pukul 9 pagi hingga 10 malam itu diserikan dengan kehadiran Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah di Pentas Utama Floria.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganjuran Floria Diraja Putrajaya yang bertemakan *Raikan Bersama!* itu bakal mengetengahkan bunga petunia sebagai bunga tema kerana keunikan struktur pertumbuhan, keindahan warna kelopak bunganya yang cantik dan menjurai dapat menyuntik elemen estetika seumpama menerangi dan menceriakan para pengunjung.

"Festival ini akan mempamerkan lebih 700,000 bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan pelbagai warna dan kegunaan yang saya percaya pasti ada di antaranya yang tidak pernah kita lihat sebelum ini.

"Uniknya, festival ini bukan sahaja mempamerkan kepelbagaian bunga berwarna-warni dalam reka bentuk landskap yang indah tetapi turut dijual di gerai tapak festival. Pengunjung pasti terpesona seakan berada di negara Eropah kerana dikelilingi ratusan ribu jenis pokok, tumbuhan dan bunga-bunga.

"Saya percaya dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan semua pihak, Floria Diraja Putrajaya 2024 mampu mencapai satu tahap lebih tinggi dalam melonjakkan semula ekonomi terutama industri nurseri dan bunga-bunga di Malaysia," ujarnya.

Beliau berkata Floria Diraja Putrajaya 2024 akan memaparkan komponen-komponen baharu yang dijangka akan menarik minat orang ramai terdiri daripada pelbagai golongan dan usia.

"Tarikan utama pameran adalah taman yang dibina oleh lebih daripada 30 jabatan dan agensi kerajaan termasuk PPj sendiri, agensi korporat dan swasta, persatuan dan pengusaha bunga serta komuniti Putrajaya yang bakal mengetengahkan gabungan idea segar, teknik tersendiri serta reka bentuk unik dalam seni pameran taman.

"Antara agensi dan syarikat yang turut serta dalam pameran tersebut adalah Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Landskap Negara (JLN), Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Putrajaya Holdings (PJH), Pulse Group dan lain-lain.

"Tarikan lain adalah Astaka Flora iaitu pameran bunga-bunga *indoor* yang menghimpunkan penyertaan dari 10 buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Vietnam, Singapura, Filipina, Taiwan, Jepun, Hong Kong, Indonesia dan Brunei bagi kategori gubahan bunga (*flower bouquet*), pameran dan pertandingan pelbagai kategori orkid, bonsai serta terarium," ujarnya.

"Astaka Flora membawakan tema *Tropical Wonders Highland & Lowland* dengan menjanjikan keindahan koleksi tumbuhan tropika yang menyuntik suasana segar dan nyaman dalam hiasan taman serta bunga-bunga. Terdapat juga Taman Malaysia MADANI dan Taman Diraja yang menjadi tarikan utama bersempena sambutan Hari Kebangsaan ke-67," ujarnya.

Dalam masa sama, Fadlun berkata untuk penganjuran kali ini, lebih daripada 100 aktiviti sampingan diadakan seperti bengkel, demonstrasi, larian, berbasikal dan persembahan pentas sepanjang acara berlangsung.

"Sebanyak 30 lot gerai jualan Garden Bazaar disediakan yang terdiri daripada jualan orkid (pelbagai spesies orkid hibrid dan hutan), pokok buah-buahan, perabot landskap, produk fertisasi dan hidroponik, pelbagai jenis baja dan pasu, produk berasaskan rotan serta tanaman landskap yang lain seperti petunia, ros, bunga raya, heliconia, bunga kertas, caladium, monstera dan banyak lagi.

"Kami juga menawarkan 14 lot gerai jualan Community Garden dengan penglibatan jualan hasil dan produk pertanian bandar dari Kebun Komuniti Putrajaya, pameran dan pemberian khidmat nasihat pertanian daripada Jabatan

Pertanian dan Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) serta lapar lot gerai jualan kraf tangan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) yang menjual pelbagai produk kraf tangan, batik, songket, perhiasan dan lain-lain.

"Pihak PPj turut menyediakan kawasan jualan makanan dan minuman unik yang dikenali sebagai *Feast Garden* dengan 164 gerai jualan terdiri daripada masakan tempatan dan antarabangsa, makanan jalanan popular, hidangan eksotik dan pencuci mulut dengan kapasiti 300 tempat duduk bagi memudahkan pengunjung menikmati makanan serta minuman yang dibeli sambil menonton Persembahan Eco Culture, World Music Buskers, Upcycling Drum Tribe, Fire Breather Showdown, Rimba Seruling Music, Malam Selawat & Tausiah (Manusia & Alam), Sape Didgeridoo Jam dan Magunatip Dance," ujarnya.

Bagi pengunjung yang hadir, beliau berkata pihaknya turut menyediakan kemudahan surau kabin sebanyak dua unit yang boleh memuatkan seramai 15 orang dalam satu masa dan dua unit surau di Ancillary Building yang boleh memuatkan seramai 10 orang.

"Selain tandas sedia ada di Ancillary Building, tandas di Monumen Alaf Baru, tandas tambahan turut disediakan bagi tandas Diraja (dua unit), tandas kabin VIP (dua unit), tandas Orang Kurang Upaya (OKU) (dua unit) dan 60 unit tandas bergerak untuk orang awam. Kemudahan kawasan parkir pula boleh memuatkan sebanyak 300 unit bagi VIP dan urus setia manakala 700 unit bagi pengunjung yang hadir.

"Dalam masa sama, kawalan 20 orang anggota Penguat Kuasa PPj bagi setiap syif bersama 12 anggota RELA telah diselaraskan bagi mengawal lalu lintas dan aliran trafik serta kawasan parkir. Kemudahan tiga unit *shuttle bus* secara percuma turut disediakan dengan kekerapan selama 15 minit bermula dari pukul

7.30 pagi sehingga 10.30 malam (Isnin hingga Jumaat) dan sehingga pukul 12.30 malam bagi hari Sabtu dan Ahad.

"Kemudahan pengangkutan air turut disediakan iaitu satu unit bot cruise dan dua unit teksi air yang boleh dinaiki melalui enam jeti utama (Monumen Alaf Baru, Kelab Tasik, Ayer 8, Marina Putrajaya, Anjung Floria dan Taman Botani Putrajaya)," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata penganjuran festival itu bertepatan dengan matlamat perancangan dan pembangunan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berkonsepkan *intelligent garden city* dengan menggabungkan elemen moden, pintar dan alam semula jadi.

"Festival ini bukan sahaja menyajikan keindahan bunga dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam dan luar negara kepada para pengunjung malah turut menambah seri keindahan seni bina Putrajaya yang tersergam megah dengan keunikan dan ciri tersendiri.

"Penganjuran festival ini juga dilihat amat bertepatan dengan semangat meraikan Bulan Kebangsaan kerana Putrajaya sekali lagi menjadi tuan rumah sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini," ujarnya.

Sementara itu, Fadlun berkata penganjuran acara besar dan bertaraf antarabangsa seperti ini membuktikan komitmen berterusan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui agensinya untuk terus membangun dan memajukan Putrajaya.

"PPj turut berbesar hati menerima kerjasama erat daripada rakan penaja iaitu Putrajaya Holdings, Telekom Malaysia, Victron Outdoor Furniture Sdn Bhd dan Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM). Selain itu, radio KoolFM 101 turut berperanan sebagai rakan radio bagi penganjuran kali ini," ujarnya. 





BARISAN peserta yang menyertai Program Inisiatif Sejuta Harapan.

Pejuang kemurungan

SERAMAI 35 orang pejuang kemurungan atau *Major Depressive Disorder* (MDD) menyertai Program Inisiatif Sejuta Harapan untuk berkongsi pengalaman masing-masing sewaktu mengharungi fasa terburuk itu.

Menurut Pengasas dan Presiden badan bukan kerajaan (NGO) Empati (Kelab Advokasi Pulih Mental), **Syahida Zulkarnain**, tujuan penganturan program tersebut baru-baru ini bagi menyediakan platform selamat buat mereka yang melalui mimpi ngeri tersebut.

"Inisiatif ini timbul susulan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 yang mendapati bahawa 1 juta rakyat Malaysia berusia lebih 15 tahun telah mengalami kemurungan.

"Melalui program ini juga para pejuang berpeluang untuk bersosial secara sihat, selain berpeluang membina sistem sokongan yang berkala dan khusus untuk pesakit yang memerlukan," katanya.

Program dimulakan dengan aktiviti

Piknik Inspirasi iaitu sebuah aktiviti piknik tertutup yang santai namun penuh informasi dan ilmiah.

"Kita juga telah menjemput seorang pendokong kesihatan mental yang juga merupakan penulis buku *Mendewasa* dengan Luka, Aiman Amri sebagai penceramah utama.

"Berkonsepkan bengkel selama empat jam, Piknik Inspirasi bertujuan untuk membangkitkan semula keinginan pejuang kemurungan untuk hidup dengan lebih sihat di samping bersosial secara sihat dengan rakan-rakan yang boleh berkongsi permasalahan yang sama tanpa bias dan prasangka.

"Aktiviti dimulakan dengan sesi ice breaking dan pengenalan, diikuti dengan penerangan tentang analogi kesihatan mental. Peserta kemudiannya terlibat dalam aktiviti berkumpulan untuk membezakan kesan-kesan kemurungan kepada pesakit serta didedahkan dengan bentuk-bentuk *trigger* yang berbeza

untuk setiap orang dan cara mengatasinya," jelasnya.

Tambahnya, program yang julung kali diadakan ini merupakan usaha proaktif NGO Empati dengan kerjasama dan sokongan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Jelasnya, program ini adalah sebahagian daripada inisiatif berkala yang bertujuan untuk membina sistem sokongan yang dipercayai oleh komuniti pejuang penyakit mental khususnya anak muda.

"Sistem sokongan ini mengguna pakai teori Dr Irvin Yalom yang meletakkan 11 prinsip yang perlu ada dalam sesebuah sistem sokongan, termasuklah prinsip *cohesiveness*.

"Kami berharap program ini bermanfaat serta memberi impak kepada mereka yang memerlukan dan berharap lebih ramai berani tampil ke hadapan bagi mendapatkan bantuan seterusnya mampu memberi harapan kepada pejuang-pejuang kemurungan," ujarnya. 

Produk terbaik Bumiputera

EKSPLO Pelancongan dan Makanan Halal yang sedang berlangsung merupakan antara ruang terbaik mempromosikan produk dan perkhidmatan usahawan pelancongan Bumiputera dari seluruh negara.

Presiden Persatuan Usahawan Pelancongan Malaysia (PUPEM), **Kamarun Ab. Rahman** berkata ahli persatuan itu akan mempamer dan menawarkan produk serta perkhidmatan pelancongan menarik kepada pelancong dalam dan luar negara.

"Persatuan kami akan menawarkan dan menyediakan produk serta perkhidmatan menarik termasuk inap desa, bot pelancong, produk makanan, kraf dan perkhidmatan lain.

"Kami membawakan ahli-ahli kami yang mempunyai bertahun-tahun pengalaman dalam bidang masing-masing. PUPEM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bank Rakyat yang mengundangi kami menyertai ekspo ini," katanya.

Kamarun berkata sejak ditubuhkan tiga tahun lalu, persatuan itu kini dianggotai oleh lebih 200 usahawan Bumiputera dari seluruh negara dalam pelbagai bidang produk pelancongan.

"Antara kegiatan kami ialah mengadakan kursus

berkaitan pengurusan, pengendalian premis dan pusat pelancongan serta kursus asas perniagaan termasuk bengkel pengurusan kewangan," ujarnya.

Tambahnya, PUPEM juga telah menubuhkan sebuah stesen radio pelancongan yang dinamakan MyTour Radio yang bersiaran melalui laman sesawang <https://mytourradio.com> dan boleh didengari di seluruh dunia.

Jelasnya, stesen itu akan menyiarkan kegiatan ahli PUPEM serta produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

"Oleh itu, kami menjemput semua usahawan pelancongan Bumiputera untuk menjadi ahli PUPEM bagi menyertai program pemantapan usahawan yang kami anjurkan serta berpeluang mempromosi produk mereka di MyTour Radio.

"Kami sekarang sedang menjalankan siaran ujian. Stesen itu digerakkan oleh tenaga pakar terdiri daripada penyiar veteran RTM yang akan diumumkan apabila kami memulakan operasi sepenuhnya dalam masa terdekat," katanya.

Terdahulu, Ekspo Pelancongan dan Makanan Halal berlangsung di Menara Kembar Bank Rakyat bermula 21 hingga 25 Ogos 2024. 

Seminar Kecemerlangan SPM

300 PELAJAR TERIMA MANFAAT

KHAIRUL IDIN

BAGI membantu para pelajar golongan asnaf dan B40 mencapai keputusan cemerlang, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan menganjurkan Seminar Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama empat hari itu disertai seramai 300 orang pelajar asnaf yang membabitkan sembilan buah sekolah di Labuan.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Ghulam Muszaffar Ghulam Mustakim, seminar tersebut diadakan untuk memberi tips dan teknik-teknik menjawab peperiksaan SPM bagi subjek wajib lulus iaitu Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

"YWP turut membantu para pelajar yang menyertai program ini membuka Akaun Simpan SSPN bagi pendidikan dan manfaat masa hadapan. Ia jelas menunjukkan betapa YWP peka dan prihatin," ujarnya selepas Majlis Perasmian Seminar Kecemerlangan SPM 2024 yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS).

Dalam masa yang sama, Ghulam turut mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak khususnya agensi berkaitan untuk menganjurkan program-program pendidikan antaranya teknik-teknik pembelajaran yang berkesan.

"Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Majlis Penasihat GiatMARA Labuan, Datuk Raffi Alli Hassan yang menyumbang sebanyak RM10,000 bagi membantu pelaksanaan seminar yang cukup bermakna kepada para pelajar di pulau ini," katanya.

Majlis penutup tersebut

dirasmikan oleh Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim.

Turut hadir Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Strategik YWP, Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir; Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Abidin Marjan; Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan, Fadzli Md Saad dan Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Sementara itu, Norliza turut menzahirkan penghargaan kepada YWP kerana sentiasa bersedia bekerjasama dengan pihak PTPTN demi memberikan pendidikan yang terbaik kepada para pelajar di Labuan.

"Diharapkan program ini dapat membantu pelajar yang memerlukan untuk mendapatkan pendidikan terbaik sekali gus meningkatkan imej positif PTPTN melalui sumbangan tanggungjawab sosial korporat," ujar beliau. 



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai Seminar Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS).



Bil 276 . 23 - 29 OGOS 2024

AKAUN KELIDAI

PELAJAR
JADI HANGA

►► 10-11

TERTEKAN DEMI TAMPIL MEWAH

AINI MAWAWI

SU akaun keldai dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) bukan sahaja merisaukan, malah ia mencerminkan betapa terdesaknya golongan ini sehingga sanggup terjumuk dalam sindiket penipuan. Pelajar sepatutnya menjadi benteng terakhir dalam menolak aktiviti haram ini, namun kita lihat ada yang terperangkap tanpa mereka sedari.

Sindiket penipuan semakin rancak menggunakan platform media sosial dan aplikasi pemesejan sebagai medium utama untuk mencari mangsa. Kita sedia maklum, pelajar IPT yang sememangnya aktif di platform ini tergolong dalam kumpulan pengguna terbesar media sosial dengan purata sebanyak 44.8 peratus bagi umur 18 hingga 44 tahun.

Sebagai orang yang masih muda, pelajar lazimnya menjadi sasaran mudah. Dengan janji manis seperti pekerjaan mudah dengan gaji lumayan, sindiket dengan mudah memperdayakan pelajar untuk menyerahkan butiran akaun bank mereka.

Menurut Pensyarah Komunikasi Liberal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam, **Ts Nurul Aishah Ab Raman**, faktor kos sara hidup yang meningkat tidak boleh diketepikan dalam isu ini kerana pelajar kini berdepan dengan tekanan kewangan yang mencabar.

“Banyak yang terpaksa mencari sumber pendapatan tambahan untuk menampung kehidupan seharian dan inilah yang membuka ruang kepada sindiket untuk memanipulasi mereka. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan faktor ekonomi semata-mata. Pepatah



NURUL AISHAH

ukur baju di badan sendiri harus dijadikan panduan dalam mencorakkan gaya kehidupan.

“Pelajar IPT kebanyakan sekarang juga mudah terpengaruh dengan desakan sekeliling, *fear of missing out* (FOMO) iaitu bersaing sesama

sendiri untuk menjadi yang terbaik dalam penampilan sehingga mungkin terbeban dengan hutang. Ini juga perlu diberikan perhatian dan didikan kepada mereka supaya jangan mudah terjumuk dan cakna menggunakan kewangan kepada memenuhi keperluan melebihi kehendak.

“Faktor psikologi anak-anak muda juga perlu disemai supaya ada ketahanan dan kesedaran yang teguh. Konsep *nothing comes easy in life* perlu diterapkan juga, supaya mereka lebih berdaya saing dalam mengubah destini mereka, kehidupan yang tenang dan bahagia juga boleh dikecapi tanpa perlukan kemewahan melampau.

“Sentiasa didik hati untuk lebih ke bawah bukan bandingkan diri dengan orang yang lebih mampu daripada kita. Ini semua boleh menjadi kepada lemahkan ketahanan diri pelajar maka anasir luar mudah untuk mempengaruhi mereka melakukan sesuatu yang memudaratkan tanpa mereka sedar *until it's too late*,” ujar beliau.

Tambah Nurul Aishah, kehendak untuk mengekalkan gaya hidup yang *trendy* dan status sosial dalam kalangan rakan sebaya boleh menyebabkan pelajar terperangkap dalam perangkap sindiket penipuan.

“Ramai pelajar berasa tertekan untuk tampil mewah atau memiliki

barang-barang berjenama yang mana mereka tidak mampu secara kewangan. Ini menyebabkan mereka mengambil jalan pintas seperti terlibat dalam aktiviti tidak sah untuk mendapatkan wang tambahan.

“Tekanan rakan sebaya ini sebenarnya lebih serius kerana usia para pelajar yang muda dan masih tidak matang, mereka dalam usia yang ingin diberikan perhatian, diterima dan disukai. Pengaruh media sosial yang kurang baik seperti *influencer-influencer* yang menekankan budaya OOTD, *outfitcheck* dan sebagainya ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda golongan ini,” ujar beliau.

Walaupun pelajar adalah golongan berpendidikan, mereka masih terdedah kepada tipu daya sindiket kerana para penjenayah khususnya jenayah siber lebih sofistikated, lebih licik dalam merancang jenayah alaf baru.

“Ramai pelajar sebenarnya tidak menyedari bahawa akaun mereka digunakan sebagai akaun keldai yang menunjukkan kekurangan pemahaman mengenai risiko ini. Kita perlu memastikan pelajar untuk benar-benar faham akan akibatnya, bukan hanya dari segi undang-undang tetapi juga dari sudut moral dan etika.

“Mereka mungkin tidak sedar tentang kewujudan istilah dan konsep akaun keldai. Mereka mungkin melihatnya sebagai satu cara mudah untuk mendapatkan

wang dengan meminjamkan akaun bank mereka, tanpa mengetahui implikasi undang-undang yang serius. Kurangnya pendedahan kepada maklumat ini di peringkat sekolah dan universiti menjadikan mereka lebih mudah terpedaya.

“Sindiket penipuan kini menggunakan teknik yang lebih canggih, seperti *phishing*, *spoofing*, dan pencurian identiti, yang sukar dikenali oleh individu biasa. Apatah lagi dengan teknologi AI yang semakin meresap ke dalam setiap rentas kehidupan seharian dengan kebergantungan tinggi kita kepada peranti-peranti digital setiap hari,” ujarnya lagi.

Katanya, wang menjadi daya penarik yang kuat terutama kepada pelajar yang terdesak. Banyak sindiket keldai akaun yang beroperasi secara antarabangsa, menjadikan mereka sukar dijejaki dan dibanteras.

“Pancingan wang mudah dengan nilai mata wang antarabangsa membuatkan pelajar tertarik dan boleh menjadi mangsa. Pelajar mungkin tidak menyedari bahawa mereka berurusan dengan rangkaian jenayah antarabangsa yang kompleks, yang boleh merjerat mereka dalam masalah perundangan yang lebih besar dan melibatkan pelbagai negara.

“Dengan memahami sebab-sebab dan fakta-fakta ini, pihak berkuasa, institusi pendidikan dan pelajar sendiri diharapkan dapat mengambil langkah yang lebih proaktif untuk mencegah dan menangani isu keldai akaun dalam kalangan pelajar IPT.

“Pendidikan, kesedaran, dan sokongan adalah kunci untuk membantaras masalah ini dari akar umbi. Ingat, *nothing comes easy in life. If it's too good to be true, know that it is not always true*. Takkan wang dan kehidupan yang diidamkan itu akan datang bergolek-golek semudah A, B, C,” ujarnya.

Beliau turut mencadangkan agar kempen kesedaran dipergiat, termasuk melalui ceramah dan bengkel di IPT. Pihak universiti juga perlu lebih proaktif selain memantau pelajar khususnya yang terlibat dalam aktiviti mencurigakan.

“Pelajar yang terlibat mungkin tidak menyedari bahawa tindakan mereka boleh membawa kepada kesan jangka panjang terhadap sejarah kredit dan reputasi mereka. Akaun bank mereka boleh disenarai hitam oleh bank, menyukarkan mereka untuk membuka akaun baru atau memohon pinjaman di masa depan. Ini boleh memberi kesan buruk kepada prospek kewangan mereka selepas tamat pengajian.

“Bagi mereka yang dikenakan tindakan undang-undang, masa depan mereka boleh terjejas termasuk risiko tidak dapat menghabiskan pengajian. Ini adalah harga yang terlalu mahal untuk dibayar hanya kerana terlibat dalam aktiviti haram,” ujarnya. 



Jauhi perangkap

- Scammer akan hubungi mangsa melalui platform media sosial seperti WhatsApp selain emel, iklan dalam talian dan lain-lain.
- Tawaran pekerjaan menarik tanpa perlu resume dengan gaji lumayan.
- Jika dipersetujui, mangsa diminta serah butiran akaun dengan alasan untuk pemprosesan gaji sebaliknya ia akan digunakan sebagai akaun keldai.
- Jika menerima mesej daripada rakan-rakan atau keluarga yang terdesak memerlukan bantuan wang, hubungi mereka untuk kepastian dahulu.
- Scammer akan menawarkan peluang sewa akaun untuk meraih wang dengan cepat.
- Scammer memanfaatkan peluang dengan meminta pertolongan mengkreditkan wang dalam jumlah yang besar ke akaun lain.

‘Mentaliti paling penting kekang masalah’

Reaksi 1

ISU keldai akaun ini sesuatu yang tidak asing lagi di media sosial. Sejujurnya saya memang ambil tahu tentang isu ini kerana takut dijadikan mangsa.

ALYA DYNA ZULAIQHA AZRIN, 18 Pelajar



Reaksi 2

SAYA mempunyai seorang kawan yang pernah dijadikan keldai akaun. Biarpun telah menasihatinya namun dia tidak pernah mengendahkan dan saya mengambil keputusan menjauhkan diri kerana tidak mahu terjebak.

MUHAMMAD ALIF DANIAL MOHD SHARIZAT, 19 Pelajar



Reaksi 3

BIASANYA pelajar yang terdesak untuk mendapatkan duit lebih mudah terjebak. Bagi saya, kekurangan duit itu adalah kebiasaan dalam kehidupan. Jika pelajar berfikir secara mendalam, mereka tidak akan terpedaya.

FARAH WAHEDA MOHD AZRI, 20 Pelajar



Reaksi 4

DENGAN mengatakan perkataan ‘tidak’ dengan tegas maka sebarang penipuan itu tidak akan berhasil. Jangan mencari jalan mudah untuk mencari kesenangan kerana ia tidak semudah itu melainkan dengan usaha dan doa.

NAZIRUL HADI BANI ISMAIL, 25 Pelajar



AKAUN keldai atau *mule account* bukanlah perkara baharu kerana beberapa tahun kebelakangan ini ia dilihat semakin berleluasa lebih-lebih lagi dengan penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Modus operandinya adalah dengan meminta mangsa (akaun keldai) membuka akaun bank untuk disewa mahupun dijual dengan tawaran harga yang agak lumayan sekali gus mampu mengaburi mata sesiapa sahaja.

Pelbagai cara licik digunakan sindiket bagi mencari akaun keldai di laman-laman sosial antaranya menawarkan sewa beli akaun, pinjaman ekspres atau memberi pinjaman wang kepada ‘kenalan’ mahupun melalui tawaran kerja.

Biasanya pemilik akaun sedar bahawa akaun mereka digunakan oleh pihak ketiga tersebut. Persoalannya kini adakah ia secara rela atau paksa? Atau adakah persetujuan tersebut hanya berpaksikan duit semata-mata hingga sanggup menjerat diri sendiri?

Terbaharu, media melaporkan terdapat 208,000 akaun keldai di negara ini yang mana sebahagiannya adalah milik penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT). Jelas menunjukkan sindiket ini semakin galak mencari mangsa sehingga menyasarkan golongan terpelajar yang mungkin berdepan masalah kekangan kewangan.

Memberi pandangan terhadap isu tersebut, ASP Bersara, **Rahmat Fitri Abdullah** berkata sama ada mangsa tahu atau tidak diri dijadikan akaun keldai, mereka tetap akan dikategorikan bersalah.

“Biasanya bila kita lakukan siasatan, mereka akan bagi alasan tidak tahu tetapi daripada segi logik akal fikiran, semua orang pasti tahu tak boleh serah serta tak boleh bagitahu butiran peribadi perbancan kepada orang lain lebih-lebih lagi kepada pihak yang kita tidak kenal.

“Dalam undang-undang perkataan tidak tahu adalah satu alasan yang tidak boleh diguna pakai yang tidak munasabah sebab tanggungjawab ambil tahu itu adalah tanggungjawab kita sebagai pemegang akaun.

“Sebagai contoh, bila kita buka akaun, sudah tentu wajib ambil tahu syarat-syarat dan etika. Namun kadang-kadang saya lihat, pemegang akaun tidak faham pun apa yang mereka tandatangan. Baca pun tak habis. Tolonglah untuk lebih peka. Jangan suka pandang ringan dalam perkara sebegini.

“Cuma pelajar ini mereka mudah terdedah antaranya disebabkan kawan-kawan ajak cari duit lebih, nak jana pendapatan dengan cara mudah lebih-lebih lagi waktu belajar mana tiada gaji,” ujar beliau.

Dalam masa yang sama, penasihat di Rahmat Fitri Consultant Sdn Bhd ini turut menggesa pihak yang bertanggungjawab untuk membantu pemegang akaun memahami akan prosedur operasi standard (SOP) agar mereka sentiasa berhati-hati.

“Saya lebih suka untuk bawa pembaca berfikir, kenapa seseorang itu jadi *scammer*? Dia kata sebab desakan hidup, susah cari kerja, terpengaruh kawan-kawan dan sebagainya tetapi



bila kita siasat latar belakang memang kebanyakannya orang susah pun.

“Jadi, apa-apapun saya berbalik kepada pendidikan kerana mentaliti adalah perkara yang paling penting untuk mengekang masalah ini. Bila ada laporan yang menunjukkan ia melibatkan pelajar, jadi kita dapat lihat daripada satu sudut, perlu ditekankan tentang *scammer* sejak di bangku sekolah rendah lagi supaya mereka lebih arif dengan isu ini biarpun kecil. Contohnya mereka tahu menyerahkan kad bank kepada orang lain salah, kongsi data salah, jual dan sewa akaun pun salah,” tegas beliau.

Berpengalaman 21 tahun dan pakar dalam mengenal pasti serta membongkar aktiviti sindiket *scam*, Rahmat mengakui golongan muda masih belum cukup matang untuk membuat keputusan sendiri.

“Bagi saya apa yang berlaku ini satu petanda baik supaya semua pihak terlibat ambil pendekatan untuk memperluaskan lagi serta memperhebatkan pendidikan tentang *scammer*. Jika pelajar universiti pun boleh tertipu apatah lagi golongan lain yang tidak mendapat pendidikan tinggi, duduk di kampung dan sebagainya.

“Namun perkara ini sebenarnya terkait dengan mentaliti rakyat Malaysia juga. Contohnya dalam bidang pelaburan, kalau kita tak tamak, tak degil takkan terkena *scam*. Mudah sahaja sifirnya,” ujar beliau yang pernah berkhidmat selama 21 tahun dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berbicara lanjut tentang usaha giat yang dilakukannya untuk membantu rakyat Malaysia melindungi harta benda dan wang yang terdedah dengan scam, Rahmat berkata ia mungkin memakan

masa yang lama namun beliau tidak pernah lelah untuk melaksanakannya sehingga ia berhasil.

“Kena libat semua pihak, saya cuma sampaikan ilmu biarpun cakap berulang-ulang kali namun tidak mengapa. Kita perlu istiqamah dalam melakukan kebaikan kepada sesiapa sahaja. Saya yakin suatu hari nanti orang akan dengar cakap saya dan ikut apa yang saya sampaikan supaya tidak terjerumus dalam penipuan yang entah bila akan berkesudahan ini.

“Mungkin peringkat golongan muda, umur 20-an sukar untuk dengar apa yang saya sampaikan tetapi peringkat umur 30-an, saya yakin mereka lebih peka dengan isu ini sebab mereka dah mula ada duit serta kerjaya yang stabil,” ujar beliau.

Pada Julai tahun ini, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 untuk meminda Kanun Keseksaan (Akta 574) yang antara lain bertujuan mengekang jenayah dalam talian menggunakan akaun keldai bagi menjalankan aktiviti penipuan.

Cadangan pindaan itu meliputi dua skop utama iaitu peruntukan baharu bagi kesalahan berkaitan akaun keldai serta tafsiran *financial instrument* dan *payment instrument* serta melibatkan pewujudan empat seksyen baharu.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika membentangkan rang undang-undang untuk bacaan kali kedua berkata jumlah kerugian melibatkan jenayah penipuan dalam talian untuk tempoh kurang tiga tahun adalah sebanyak RM2,651,398,000.34.





SAYANG SI BULUS

SHUAIB AYOB

KITA sering disajikan dengan berita penganiayaan yang dilakukan terhadap haiwan antaranya kucing jalanan. Sejauh mana sikap empati dan kemanusiaan yang ada dalam diri sehingga ada yang sanggup menganiaya haiwan yang tidak berdosa.

Menyedari hal itu, pelbagai pihak tampil untuk memberi perlindungan kepada kucing liar atau terbiar antaranya dengan penubuhan Laman Kucing DBKL yang terletak di Jalan Budiman, Bandar Tun Razak.

Antara fungsi penubuhannya adalah mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kesayangan serta usaha menangani isu berkaitan.

Selain itu, Karnival Kucing MADANI yang diadakan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Cheras baru-baru ini juga sarat dengan info tentang haiwan ini yang sepatutnya menjadi kesayangan semua.

Lensa Wilayahku merakam dua program berbeza namun membawa maksud yang sama iaitu memupuk kesedaran tentang si bulus. 🐾



REZEKI BELA BURUNG WALIT

KHAIRUL IDIN

HASRAT murni kerajaan untuk memacu sektor pelancongan di Pulau Bebas Cukai khususnya sektor ternakan mampu menarik pelancong luar untuk mengunjungi Labuan.

Seperti yang diketahui, Pulau Labuan amat terkenal dengan produk pelancongan berteraskan 5S (*Sand, Sunrise, Seafood, Shopping, Sport*) selain ia juga mempunyai pelbagai khazanah alam semula jadi yang begitu indah untuk diterokai.

Namun, terdapat beberapa produk pelancongan berteraskan ternakan di pulau itu yang jarang diperkatakan tetapi dalam masa yang sama berpotensi menjadi lokasi wajib untuk dikunjungi.

Produk atau lokasi yang dimaksudkan adalah perusahaan ternakan rumah burung walit yang terletak di Kampung Tanjung Aru yang diusahakan oleh **Abdul Rahman Jinin**, 68, dan isteri, **Ramlah Hamid**, 63.

Berkongsi pengalaman kepada Wilayahku, Ramlah berkata mereka mula mengusahakan rumah burung walit pada tahun 2015 secara kecil-kecilan selepas mengikuti pelbagai kursus mengenai ternakan tersebut.

Ujarnya, pada mulanya dia dan suami hanya membeli produk itu untuk tujuan kesihatan sahaja namun tercetus idea untuk menceburi bidang itu kerana ketika itu tidak ramai yang mengusahakannya.

"Awalnya kami berdua hanya membeli produk berasaskan sarang burung walit ini untuk kegunaan peribadi dan kesihatan tetapi apabila telah mengikuti kursus, kami yakin ia boleh pergi jauh selain dijadikan sumber pendapatan.

"Jika kita lihat, perusahaan ini sejak dahulu lagi diterajui oleh bangsa Cina sahaja dan kami berhasrat untuk menjadi salah satu pengusaha Melayu yang berjaya mengembangkan pasaran sarang burung walit di pulau ini.



RAMLAH

"Maka pada awal tahun 2015 kami sudah mula membangunkan sebuah rumah burung dengan berkeluasan sederhana," ujarnya kos perbelanjaan awal menelan belanja hampir RM70,000.

Bercerita lanjut, Ramlah berkata pada awalnya, mereka memerlukan tempoh lebih kurang setahun bagi memenuhi burung-burung walit untuk bersarang di rumah tersebut. "Walaupun ia mengambil masa yang panjang namun amat berbaloi untuk menunggu dengan sabar demi mendapatkan sarang burung yang berkualiti tinggi.

"Sebenarnya, ia tidak perlu untuk mengambil tempoh seperti itu namun kami mengambil keputusan untuk membiarkan dahulu agar burung-burung walit itu selesa untuk bersarang di rumah tersebut. "Disebabkan kali pertama, jadi

kami suka untuk tunggu lebih lama dan lihat hasilnya kami turut dapati sarang itu membawa keselesaan kepada burung walit.

"Alhamdulillah, setelah hampir 11 tahun berkecimpung dalam ternakan ini kami mampu meraih pendapatan sampingan hampir RM3,000 bagi tempoh tiga bulan," ujarnya.

Jelasnya lagi, hasil pendapatan yang diperolehi dalam tempoh dua ke tiga bulan disebabkan proses pengumpulan dan pembersihan sarang burung tersebut yang mengambil masa lama.

"Dalam perusahaan ini, perkara yang menjadi cabaran utamanya adalah proses pengumpulan dan pembersihan setiap sarang yang mengambil masa agak lama kerana perlu dilakukan secara teliti demi menjaga kualiti sarang burung.

"Untuk pembersihan satu sarang sahaja saya memerlukan dua hingga ke tiga hari dan setiap bulan saya hanya dapat mengumpulkan



lebih kurang 2.5 gram sahaja.

"Bayangkan untuk mendapatkan satu kilogram sahaja mengambil masa berbulan-bulan kerana kerja-kerja itu hanya dilakukan oleh kami berdua sahaja.

"Disebabkan itu, kami mengalami kekangan bagi memenuhi permintaan selain hanya memfokuskan penjualan air minuman sekitar Labuan sahaja," ujarnya lagi.

AIR KESIHATAN

BERKONGSI lanjut mengenai produknya, Abdul Rahman berkata mereka menghasilkan produk sarang burung walit berasaskan air minuman kesihatan yang terbahagi kepada lima perisa iaitu asli, pandan, serai, halia dan pudina.

"Produk minuman yang kami hasilkan mengandungi bahan-bahan asli tanpa sebarang bahan pewarna mahupun bahan pengawet. Variasi perisa ini dihasilkan sendiri untuk tujuan menarik pelanggan.

"Setakat ini, kami berjaya memasarkan lebih 100 botol dalam masa sebulan di sekitar pulau ini. Buat masa ini kami fokus penjualan di majlis dan pameran yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta sahaja.

"Saya tidak dapat memasuki pasaran besar di kedai mahupun

pasar raya kerana ketika ini kami masih belum dapat mengatasi kekangan dari segi produksi," ujarnya.

Sejak menjalankan perusahaan rumah burung walit berhampiran kediamannya, mereka bukan sahaja menjadi tumpuan pengunjung bahkan pelbagai pihak termasuklah pengusaha dan agensi kerajaan.

"Walaupun kami menjalankan perusahaan ini secara kecil-kecil namun rumah kami sering dikunjungi oleh orang ramai yang datang untuk mendapatkan produk air minuman serta pada masa sama mereka mahu melihat burung walit membina sarang itu sendiri.

"Walaupun bagaimanapun kami sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengunjung kerana warga sekitar ini perlu menceburi bidang yang amat berpotensi pergi jauh.

"Di Labuan, kami adalah satu-satunya pengusaha sarang burung walit dan bagi kami perusahaan ini harus lebih ramai lagi khususnya warga di pulau ini untuk menceburi bidang ini kerana ia dapat mendatangkan hasil pendapatan yang memberangsangkan.

"Dalam masa yang sama, saya juga berharap agar pihak yang berkaitan dapat membantu kami agar mampu pergi lebih jauh dalam bidang yang sangat kami minati ini," ujarnya. 



BURUNG-BURUNG walit selesa bersarang di rumah yang dibina.



PEKERJA yang mempunyai integriti melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin. - Gambar hiasan

USAH KHIANATI NILAI INTEGRITI KERJA

INTEGRITI merupakan nilai yang sangat penting dalam membentuk sesebuah masyarakat yang sejahtera dan bermoral. Ia melambangkan ketulusan, kejujuran dan keikhlasan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Individu yang mempunyai integriti akan sentiasa berpegang kepada prinsip dan nilai-nilai murni dalam setiap tindakannya tanpa mengira situasi atau keadaan yang dihadapi.

Bukan seperti ketika dirinya tidak punya kuasa, lantang berkata itu ini tentang yang benar. Tetapi, apabila ketika dan telah punya kuasa dirinya seakan-akan terpicung mata dan terbisu mulut untuk menyatakan sebagaimana yang dicanang sebelumnya memikul sesuatu tanggungjawab itu.

Ia ditakrifkan sebagai prinsip moral yang kukuh dan bersikap jujur serta benar dalam semua keadaan. Dalam erti kata lain, mereka yang berintegriti ialah seorang yang amanah dan boleh dipercayai. Integriti adalah nilai yang sangat penting dimiliki dalam kehidupan seseorang kerana ia membantu individu itu menjadi orang yang baik.

Apabila seseorang itu mempunyai integriti, tentunya untuk membuat keputusan ia sentiasa bersikap rasional dalam apa jua keadaan, bertindak dengan sikap yang sewajarnya, melayan orang lain dengan hormat serta paling utama ialah tidak menyalahi etika yang telah ditetapkan.

Tanpa integriti, seseorang itu boleh menjadi tidak jujur atau licik ke arah melakukan sesuatu yang tidak wajar apalagi menindas sesuatu pihak mahupun kakitangan di bawahnya. Barangkali, ia juga lebih mudah untuk orang

lain mengambil kesempatan daripada orang yang tidak berintegriti.

Sebagai analoginya, apabila berlaku ketidakjujuran dalam urusan kerja tentunya kakitangan akan sering ditindas hingga berlakunya konflik yang lain antara mereka dengan majikannya.

Apa yang pasti, jika seseorang itu ingin menjalani kehidupan yang mulia dengan integriti, terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan. Integriti sangat penting, antaranya ia membantu membina kepercayaan antara diri seseorang dengan seseorang yang lain.

Orang ramai lebih cenderung untuk mempercayai seseorang yang berintegriti, yang boleh membantu mereka dalam kedua-dua kehidupan peribadi dan profesional mereka.

Integriti boleh membantu anda kekal setia kepada diri sendiri. Mudah untuk terperangkap dalam perkara yang orang lain inginkan atau harapan daripada anda, tetapi jika anda mempunyai integriti, anda akan dapat mengekalkan nilai dan kepercayaan anda sendiri.

Integriti boleh membawa kepada kejayaan secara profesional dan peribadi. Jika anda melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang melihat, orang akan perasan.

Jika anda melakukan perkara yang anda tahu adalah salah kerana ia boleh memberi manfaat kepada anda, akhirnya orang akan mengetahui dan kemudian mereka tidak akan menghormati anda.

Untuk mencapai kerjaya yang berjaya, adalah penting untuk memastikan bahawa kerja anda mencerminkan siapa anda dan bukan hanya orang lain yang anda inginkan.

Sebagai contoh, katakan anda ditawarkan kenaikan pangkat di tempat kerja. Anda berpendapat bahawa kerja baharu ini akan menjadi terlalu banyak komitmen masa jadi anda menolak tawaran itu.

HILANG KEPERCAYAAN

HAKIKATNYA, siapa pun akan marah apabila mendengar khabar, jika ahli politik menggunakan kuasanya demi menjaga tembolok diri dan kroninya. Tetapi, apabila ia sendiri punya kuasa, 'diamalkan' juga sedemikian rupa, sebagaimana pihak yang dibencinya sebelum itu.

Dalam sesebuah masyarakat yang mementingkan integriti, setiap individu akan saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain. Ini akan mewujudkan suasana yang harmoni dan aman, di mana setiap orang akan merasa selamat dan terjamin.

Apabila kepercayaan wujud dalam sesebuah masyarakat, ia akan memudahkan proses kerjasama dan interaksi sosial berlaku dengan lebih lancar. Belum lagi disentuh bab pengurusan yang tidak telus, penindasan hak dan kebajikan pekerja juga beberapa contoh lainnya di institusi tertentu.

Lantangya terhadap sesuatu isu, tetapi dari sudut implementasi sangat jauh sekali daripada yang dicanangkan. Sedarkah kita, integriti adalah faktor penting dalam memastikan keberkesanan sesebuah organisasi atau institusi?

Pemimpin dan pekerja yang mempunyai integriti yang tinggi akan sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin.

Mereka tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan reputasi juga kredibiliti organisasi tersebut.

Dalam bidang pendidikan juga, integriti memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan berkesan. Guru dan pensyarah yang mempunyai integriti akan sentiasa berusaha menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jujur dan telus. Mereka tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kredibilitinya sebagai pendidik.

Integriti juga merupakan faktor penting dalam memastikan kelangsungan sesebuah negara. Pemimpin negara yang mempunyai integriti akan sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terjamin. Mereka tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kepentingan dan masa depan negara.

Oleh itu, integriti merupakan nilai utama yang sangat penting dalam membentuk sesebuah masyarakat yang sejahtera dan bermoral. Ia merupakan tunjang kekuatan sesebuah masyarakat dan negara.

Justeru, kita sebagai masyarakat berilmu lagi bertamadun perlu berusaha untuk memupuk dan mempertahankan integriti dalam setiap tindakan mereka demi kebaikan bersama. Segalanya perlu bermula sedari awal agar ia dapat tumbuh dan subur selamanya.

PENULIS Atriza Umar merupakan Pegawai Kanan JABATAN Pendidikan Masyarakat IKRAM.

Iklm positif organisasi

DI dalam sesebuah organisasi, pelbagai faktor boleh memberikan kesan kepada iklim organisasi tersebut. Persekitaran kerja yang baik dapat memberikan kesan yang positif kepada kesihatan mental pekerja.

Manakala persekitaran kerja yang negatif seperti diskriminasi dan ketidakseimbangan, beban kerja yang berlebihan, kawalan pekerjaan yang rendah dan ketidakamanan pekerjaan boleh menimbulkan risiko kepada kesihatan mental.

Dapatan daripada Pertubuhan kesihatan Dunia pada tahun 2019 telah mendapati bahawa 15 peratus daripada pekerja dianggarkan mengalami gangguan mental. Di seluruh dunia, dianggarkan sebanyak 12 bilion kehilangan hari bekerja direkodkan setiap tahun akibat kemurungan dan kebimbangan dengan kos kehilangan produktiviti sebanyak AS\$ 1 trilion setahun.

Beberapa tindakan yang dilihat berkesan membantu mencegah dan mengurangkan risiko kesihatan mental di tempat kerja, menggalakkan keperluan mencari bantuan bagi menangani isu kesihatan mental di tempat kerja serta menyokong pekerja yang mengalami masalah kesihatan mental.

Di antara perkara yang dilihat dalam menyediakan iklim organisasi yang positif adalah kolegaliti yang bermaksud interaksi kerjasama antara rakan sekerja. Ini bermaksud cara sekumpulan rakan sekerja mengambil tanggungjawab kolektif untuk kerja mereka bersama-sama dengan penyeliaan minimum daripada pihak atasan.

Jadi bagaimana interaksi kerjasama antara rakan sekerja dapat dihasilkan?

Ia boleh dilaksanakan dengan memberi fokus kepada *esprit de corps* iaitu kerjasama antara pekerja dan pengurusan, semangat bersama yang wujud dalam ahli kumpulan dan membangkitkan semangat, kesungguhan dan keikhlasan bekerja serta mementingkan kehormatan kumpulan.

Perkara kedua adalah pengecualian kepada rutin (*Exception to Routine*). Ia bermakna keadaan atau situasi yang berbeza daripada rutin, amalan, prosedur dan protokol harian yang dijalankan.

Sesebuah organisasi yang mewujudkan satu projek khas boleh beralih dari rutin biasa dan memberikan inisiatif berkeutamaan tinggi.

Selain itu, mewujudkan satu iklim organisasi yang positif dan luar biasa dari sudut kepimpinan juga penting. Kepimpinan yang baik dan luar biasa melibatkan seorang pemimpin bukan sekadar fokus terhadap misi dan visi organisasi tetapi mempunyai sifat empati tinggi dan memahami keperluan pekerja dalam mendapatkan latihan, keperluan kenaikan pangkat dan lain-lain.

Dari sudut seorang pekerja, luar biasa di sini bermaksud mereka yang mempunyai motivasi diri tanpa pengaruh luar. Pekerja sebegini menunjukkan minat terhadap pekerjaan mereka, bermotivasi tinggi, mengambil berat tentang kejayaan organisasi, komited dan berusaha keras untuk menitiipkan kejayaan diri juga organisasi.

PENULIS Dr Azmawaty merupakan Timbalan Dekan Ijazah Dasar, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Dr Ahmad Zabidi adalah Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

PENTINGNYA LITERASI DIGITAL

SYED HAZIQUE

BINTARA Solutions Sdn Bhd (BINTARA) kini memiliki lebih 200 produk atau jenama teknologi sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2013.

Pengarah Urusannya, **Ts Nor Faiz Muhammad Noor** berkata syarikatnya menyediakan satu produk berteraskan teknologi atau digital kepada pasaran tempatan dan antarabangsa.

"BINTARA merupakan penyedia penyelesaian teknologi pelbagai jenama kepada organisasi perniagaan, kerajaan, pendidikan dan penjagaan kesihatan di Malaysia khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Kami membantu pelanggan mencapai matlamat mereka dengan menyampaikan penyelesaian dan perkhidmatan bersepadu yang memaksimumkan pelaburan teknologi mereka.

"Di BINTARA, kami menawarkan rangkaian perkhidmatan dan penyelesaian teknologi atau

pendigitalan yang komprehensif malah diperakui dengan rakan kongsi termasuk Microsoft, Dell EMC, Lenovo, Logitech dan HP," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Faiz, dia cuba menerangkan kepentingan berkenaan literasi digital kepada masyarakat hari ini.

"Dunia kita, daripada aspek ekonomi terutamanya sedang berkembang ke arah teknologi digital. Disebabkan itu, saya mula selami dunia teknologi, fahami dengan peredaran zaman teknologi ini demi kepentingan bukan sahaja kepada diri saya tetapi juga masyarakat.

"Oleh kerana itu, BINTARA adalah IT Solution Provider, bila bercerita tentang IT ia

bukan sahaja melibatkan komponen atau *hardware* tetapi juga *software* serta konsultasi.

"Tidak ramai yang cakna dengan dunia teknologi, kita bantu mereka dengan bajet yang mereka miliki untuk peroleh pendigitalan yang memuaskan serta terbaik," ujarnya.

Jelas Faiz, kebanyakan rakyat Malaysia masih kurang mahir berkenaan literasi digital sekali gus mampu mengundang risiko jenayah siber yang tidak diinginkan.

"Kita dapat lihat kepentingan teknologi dalam kehidupan harian pada ketika ini, semuanya sudah menggunakan teknologi tetapi apakah orang ramai sudah mahir

dengan literasi digital ataupun hanya sekadar bermain media sosial sahaja.

"Di BINTARA, kami akan membantu meningkatkan kemahiran literasi digital dengan khidmat nasihat atau konsultan serta kursus, bagi memberi pendedahan serta pemahaman kepada pelanggan-pelanggan dalam dunia teknologi yang serba moden ini," jelasnya.

Faiz turut menegaskan cabaran utama di dalam perniagaannya adalah melibatkan kos.

"Antara cabaran besar yang dihadapi dalam perniagaan ini adalah tentang kos di mana pelanggan ingin menggunakan digital tetapi tidak mahu melabur atau bayar dengan harga yang paling minima.



"Bila tidak mahu mengeluarkan sedikit wang, ia juga meminimakan pembelian aplikasi-aplikasi atau *hardware* terbaik yang dapat.

"Cabaran yang lain ialah kesedaran orang ramai terhadap penggunaan barang yang original dan berlesen," tegasnya.

Ketika ditanya, bagaimanakah mengukur kejayaan syarikat beliau, Faiz berkata ia adalah berdasarkan daripada maklum balas pelanggan.

"Bila pelanggan kami puas hati dengan servis yang ditawarkan mereka mampu jalankan perniagaan dengan baik, itulah kejayaan buat BINTARA," ujarnya.

Dalam pada itu, Faiz turut menasihati golongan muda untuk terus belajar dan mencari ilmu serta rajin berusaha dan bangkit semula setelah gagal.

"Gunakanlah waktu muda ini untuk belajar sesuatu yang baru, terokai serta belajar banyak ilmu dan kemahiran untuk mengangkat martabat diri.

"Manfaatkan masa lapang sebaiknya, jangan pernah takut untuk mencuba dan gagal kerana

gagal sekali tidak bermaksud akan gagal selamanya, bangkit dan terus maju ke hadapan. Tiada yang mustahil jika ilmu penuh di dada," katanya.

Terdahulu, BINTARA diberi penghormatan dengan Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2024 oleh Logitech.

Ia mengiktiraf prestasi pemasaran dan inovasi luar biasa syarikat dengan kerjasama Logitech.

Anugerah ini menyerlahkan kejayaan BINTARA dalam memacu pertumbuhan dan pelanggan penglibatan melalui kerjasama strategik dengan penyelesaian termaju Logitech.

Selain itu, BINTARA adalah penerima anugerah Zoom 2024, Anugerah Rakan Kongsi daripada Zoom Video Communications, Inc.

Anugerah tersebut mengiktiraf organisasi yang telah menyusun strategi perniagaan yang berkesan dengan Zoom sekali gus menghasilkan peningkatan penjualan dan jualan serta pemasaran. 





PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.





harga **RM19.90**

DI SEBALIK MASJID ALBUKHARY



KU SEMAN KU HUSSAIN

KEHENINGAN pagi menjadikan azan Subuh dari beberapa masjid utama di Kuala Lumpur sahut-menyahut antara satu dengan lain. Ketika hari baharu belum bermula sepenuhnya, Kuala Lumpur agak hening seketika, tiada deru kereta dan hiruk-pikuk seperti waktu puncak pada siang.

Selepas melewati bulatan depan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kemudian menghala ke Jalan Hang Tuah yang tenang, azan berkumandang dari sebuah masjid putih tidak jauh dari Sekolah Victoria Institution amat syahdu. Azan itu seolah-olah memenuhi ruang angkasa di kawasan sekitarnya.

Malah seperti bersahutan pula dengan azan Masjid Negara yang tidak sampai dua kilometer dari situ. Suasana pada awal pagi di Kuala Lumpur bermula dengan azan Subuh termasuk masjid di Jalan Hang Tuah itu seperti memberitahu bermulanya kehidupan pada hari baharu.

Masjid itu boleh dianggap masih baharu, tidak sampai 20 tahun berdiri di situ. Sekalipun begitu keberadaan di kawasan yang majoriti bukan Melayu itu amat dimanfaatkan, terutama setiap kali masuk waktu Subuh apabila Kuala Lumpur lena seketika daripada hiruk-pikuknya.

Kepada pengguna Jalan Hang Tuah, masjid putih yang tersergam indah itu adalah antara mercu tanda baharu syiar Islam di sekitar kawasan berkenaan. Setiap kali masuk waktu sembahyang, masjid putih itu menjadi tumpuan sekalipun pada umumnya kawasan berkenaan dihuni oleh bukan Melayu.

Ternyata sebahagian besar jemaah yang mengunjungi masjid itu bukan semua dari kawasan yang berdekatan, tetapi oleh jemaah yang datang dari luar kawasan itu. Sebahagian daripadanya adalah mereka yang terpaksa datang bekerja lebih awal untuk mengelak kesesakan di Kuala Lumpur yang amat menysyokkan.

Itulah Masjid Al-Bukhary yang didirikan pada 2004 dengan menelan belanja sebanyak RM12 juta dan dibiayai oleh Yayasan Al-Bukhary. Yayasan Al-Bukhary ditubuhkan oleh jutawan Melayu terulung, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang memberi tumpuan pada pembangunan pendidikan, agama dan sosial.

Mengambil masa pembinaan selama dua tahun, Masjid Al-Bukhary mula digunakan pada 2006 dan dengan itu bertambahlah sebuah lagi masjid untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam sekali gus mercu tanda syiar Islam di Kuala Lumpur.

Sekalipun pada mulanya ada tertanya-tanya tentang langkah membina sebuah masjid besar di



MASJID Al-Bukhary yang didirikan pada 2004 dibiayai oleh Yayasan Al-Bukhary. - Gambar hiasan

kawasan majoriti bukan Melayu, akan tetapi selepas berdirinya Masjid Al-Bukhary, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Islam sangat luar biasa. Pada setiap waktu sembahyang misalnya, kedatangan jemaahnya amat memberangsangkan.

Semua itu membuktikan perancangan membina Masjid Al-Bukhary adalah sangat tepat dan memenuhi keperluan masyarakat di sekitar. Amal yang dilakukan oleh Yayasan Al-Bukhary dalam memberi kemudahan kepada masyarakat Islam di kawasan berdekatan dihargai. Hal itu boleh dilihat daripada iltizam jemaah menghadiri setiap kuliah ilmu yang dianjurkan secara berkala di masjid itu.

Dilengkapi dengan kemudahan dua dewan sembahyang, atas dan bawah yang boleh memuatkan sebanyak 1,600 jemaah pada satu-satu masa. Bagaimanapun ruang itu tidak dapat menampung jemaah sembahyang Jumaat yang secara puratanya 3,000 orang. Disebabkan itu ada yang terpaksa bersembahyang di luar masjid pada setiap Jumaat.

SYIAR ISLAM

MASJID Al-Bukhary ternyata memenuhi keperluan dalam kalangan mereka yang bekerja atau berurusan di kawasan komersial di segi tiga emas meliputi Bukit Bintang dan Jalan Imbi. Biarpun terletak di tengah-tengah kawasan yang majoriti bukan Islam, Masjid Al-Bukhary diperlukan oleh masyarakat di luar lingkaran Jalan Hang Tuah.

Pada 2007 saya dan wartawan Amran Ahmad daripada Minggu Malaysia pernah membuat wawancara eksklusif dengan Syed Mokhtar di Muzium Kesenian Islam. Antara soalan yang saya tanyakan

pada wawancara itu adalah mengenai Masjid Al-Bukhary yang baru setahun dibuka ketika itu.

Syed Mokhtar memberitahu, pihak jawatankuasa surau di tapak masjid sekarang meminta bantuan untuk menaik taraf surau berkenaan. Bagaimanapun beliau mencadangkan supaya didirikan sebuah masjid baharu yang biayanya ditanggung oleh Yayasan Al-Bukhary.

"Depa mai minta kita bantu serba sikit untuk naik taraf surau tu. Saya kata tok sah nak naik taraf surau tu, lebih baik kita buat masjid baru. Saya kata, kita boleh la bantu serba sikit untuk buat masjid yang lebih selesa," beritahu Syed Mokhtar apabila ditanya mengenai cetusan awal hingga berdirinya Masjid Al-Bukhary di Jalan Hang Tuah.

Saya masih ingat antara yang ada semasa wawancara eksklusif yang dibuat pukul 11.30 malam di Muzium Kesenian Islam itu adalah mantan Ketua Pegawai Eksekutif Pelabuhan Tanjung Pelepas, Datuk Mohd Sidik Shaik Osman dan Ketua Jurugambar Utusan Melayu, Syed Agil Syed Jaafar.

Seni bina juga menjadi salah satu tarikan pada Masjid Al-Bukhary, misalnya dua menaranya meminjam ciri-ciri seni bina yang terdapat di Masjid Nabawi. Manakala di luar kubah utamanya disalut dengan seramik yang diimport khas dari Itali. Seni lakar di bahagian dalam kubah pula bercirikan seni ukir dari Asia Barat.

Memang benar, berdirinya sesebuah masjid itu adalah untuk menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat di sekeliling kawasan berkenaan. Begitu juga dengan Masjid Al-Bukhary yang lingkaran jemaahnya melangkau jauh hingga ke kawasan segi tiga emas yang padat sebagai pusat komersial di Kuala Lumpur.

Daripada sudut yang lain, berdirinya Masjid Al-Bukhary di tapak sebuah surau yang sudah uzur adalah satu kesinambungan pengembangan ilmu dan Islam. Surau Babul Jannah itu sebenarnya telah dibina dan digunakan sejak 1860 di atas tapak yang dianugerahkan oleh Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad. Saya pernah melihat sendiri keadaan surau itu ketika melalui Jalan Hang Tuah dan sememangnya perlu dibaiki supaya memberi keselesaan kepada jemaah.

Tetapi siapa menyangka selepas 144 tahun Sultan Selangor mengurniakan sebidang tanah untuk didirikan Surau Babul Jannah, akhirnya pada 2004 bermula pula projek mendirikan sebuah masjid yang besar dan indah atas tapak

berkenaan. Surau itu sekalipun uzur tetapi sudah memberi khidmat yang besar kepada umat Islam di kawasan berkenaan.

Maka berdirinya Masjid Al-Bukhary di tapak surau yang banyak berjasa adalah satu kelangsungan dalam mengembangkan syiar Islam sejak 1860. Pada masa yang sama memberi kemudahan kepada masyarakat Islam mengerjakan ibadat adalah usaha mulia.

Kemuliaan itu berterusan, daripada sikap pemurah dan sangat mengambil endah tentang keperluan umat Islam oleh Sultan Selangor diteruskan oleh Yayasan Al-Bukhary. Daripada sudut masyarakat pula, mereka amat menghargai dan hal itu dibuktikan dengan kesungguhan dalam mengimarahkan Masjid Al-Bukhary.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

MINGGU BERITA GEMBIRA



ZULKIFLI SULONG

MINGGU ini dikira sebagai minggu yang penuh dengan barakah dan berita baik untuk Malaysia. Sekurang-kurangnya dua tokoh utama dalam bidang masing-masing melontarkan pendapat ini, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Bagi Fahmi, kemenangan Kerajaan Perpaduan melalui Barisan Nasional (BN) di Nenggiri menjadikan minggu ini penuh dengan barakah dan berita baik untuk negara ini.

Bagi Khairy pula, minggu ini adalah yang terbaik pernah dicapai oleh Kerajaan Perpaduan sejak ia dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 tahun 2023 lalu.

Sebagai pemerhati bebas yang bukan penyokong Kerajaan Perpaduan, Khairy memberikan dua perkara sehingga mendorong kemenangan besar di Nenggiri iaitu skim baharu perkhidmatan untuk penjawat awam yang menyaksikan kenaikan gaji yang besar untuk mereka dan pencapaian ekonomi terbaik negara apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melonjak 5.9 peratus untuk suku kedua tahun ini.

"Ini bukan sarkastik tetapi memang saya benar-benar mahu memuji," kata Khairy menerusi siaran Podcast KS beliau.

Fahmi juga memberikan alasan yang sama dengan Khairy tetapi menambah beberapa berita gembira lagi yang diraikan oleh rakyat



KEMENANGAN Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani (tiga, kanan) pada PRK Nenggiri merupakan salah satu berita baik. - Foto BERNAMA

Malaysia.

Antaranya pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa KDNK meningkat 5.9 peratus untuk suku kedua tahun ini melepasi jangkaan awal 5.8 peratus sebagaimana dinyatakan Khairy.

Ia adalah peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding 4.2 peratus yang direkodkan untuk suku pertama tahun 2024 ini.

Sebagaimana Khairy, Fahmi juga menyifatkan kenaikan gaji untuk penjawat awam yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 16 Ogos lepas adalah sebaik-baik berita besar untuk Malaysia.

Anwar mengumumkan kenaikan gaji 15 peratus kepada pegawai kumpulan pelaksana, pengurusan dan profesional.

Berita baik ketiga adalah apabila Jabatan Statistik (DOSM) mengumumkan kadar inflasi yang

rendah berbanding kenaikan inflasi seluruh dunia.

Kejayaan Malaysia membawa 40 rakyat Palestin yang sakit dan memerlukan rawatan bersama keluarga mereka masing-masing ke Malaysia juga menjadi berita gembira untuk rakyat negara ini, kata Fahmi.

Ia berlaku selepas mereka sejak sekian lama membaca Qunut Nazilah untuk menghancurkan musuh umat Islam iaitu Israel dan memberikan perlindungan untuk rakyat Palestin khususnya di Gaza.

Mangsa perang yang memerlukan rawatan ini dibawa dengan dua kapal terbang tentera Malaysia dari Mesir, negara yang bersempadan dengan Gaza, Palestin.

Kesemua mereka tiba dengan selamat di Lapangan Terbang Subang dan dibawa ke hospital di Malaysia untuk menerima rawatan

oleh tentera Malaysia.

Bagi Pusat Media Pakatan Harapan, dua isu utama yang membawa mood positif rakyat kepada Kerajaan Malaysia MADANI sehingga membawa kemenangan kepada BN di Nenggiri.

Menurut Pengarahnya, Nazri Abdullah, isu penyelarasan gaji penjawat awam dan Istana Pahang murka kepada Tan Sri Mahiaddin Md Yassin ekor ucapan beliau di Nenggiri membawa mood baik untuk rakyat.

Nazri menjangkakan, mood rakyat ketika ini dalam keadaan baik (di media sosial) didorong tujuh perkara iaitu:

1. Harga ayam turun
2. Nilai ringgit mengukuh
3. Bawa dan rawat rakyat Palestin
4. Penyelarasan gaji penjawat awam
5. Menang di PRK Nenggiri
6. Istana murka terhadap Mahiaddin
7. GDP 5.9 peratus

Bagi beliau suasana ini akan mendorong seluruh rakyat negara ini bersama Kerajaan Perpaduan khususnya dalam kalangan orang Melayu.

Mengikut cerapan yang dibuat oleh Pusat Media PH yang dipimpin Nazri, netizen secara amnya meluahkan kemarahan kepada Mahiaddin rentetan memperlekehkan Al-Sultan Abdullah dan netizen mengatakan Mahiaddin telah melanggar batas dalam meluahkan ketidakpuasan hati beliau.

Netizen mengatakan, dimanakah hilangnya nilai-nilai kemelayuan sehingga sanggup berkata begitu

kepada Sultan yang begitu disayangi oleh rakyat jelata.

Netizen juga rata-rata menuntut tindakan tegas diambil terhadap Mahiaddin kerana telah menyentuh elemen raja, agama dan kaum (3R).

Rentetan Tengku Mahkota Pahang sendiri yang bersuara mahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak tegas tanpa sebarang kompromi ke atas bekas Perdana Menteri tersebut.

Menurut Nazri, imej PN juga turut dikaitkan dalam polemik, secara tidak langsung memberi kredit kepada Kerajaan Perpaduan kerana Mahiaddin telah menyingung perasaan rakyat dalam isu ini.

"Secara rumusannya, imej Tengku Mahkota yang dilihat dekat kepada rakyat dan imej Istana Pahang (khususnya Tengku Ampuan Pahang) yang mesra dengan warga netizen telah menjana sokongan PADU daripada netizen dalam isu ini untuk mengambil tindakan kepada Mahiaddin," kata bekas Pengarah Komunikasi Korporat Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa Mahiaddin menjadi Perdana Menteri itu.

Pendek kata, semua rakyat senyum gembira minggu ini. Hanya penyokong PAS sahaja yang kesipuan dan masuk gua manakala penyokong BERSATU sedang bertarung untuk mempertahankan presiden mereka sekarang.

Mungkin inilah kesannya daripada Qunut Nazilah yang dibacakan oleh MP Jasin di dalam Parlimen sebelum ini. Tanya je, janganlah marah.

TULISAN ini hanya pandangan peribadi penulis dan tidak berniat untuk menyakitkan hati sesiapa.

Ayuh kibar Jalur Gemilang



Cabaran menanti Maimunah

HARI Kebangsaan akan disambut pada 31 Ogos, seminggu sahaja lagi. Sambutan kali ini merupakan ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-67. Selepas itu rakyat akan menyambut Hari Malaysia ke-61 pada 16 September.

Kepada warga kota khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya, ayuh kibar bendera sempena dua hari bersejarah ini. Sepatutnya sejak awal Ogos lagi Jalur Gemilang sudah dibuai bayu sepanjang Bulan Kemerdekaan Ogos hingga September. Jika belum segeralah berbuat demikian.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, mengibarkan bendera adalah lambang kasih sayang kepada negara. Ia juga untuk menzhirkan rasa bangga menyambut 67 tahun terlepas daripada belenggu penjajah serta 61 tahun dalam Persekutuan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak.

Kemerdekaan adalah impian setiap negara, namun bukan semua mampu

mencapainya. Atau ada yang dicapai melalui pertumpahan darah, ramai rakyat terkorban. Malaysia bertuah kerana kemerdekaan dicapai secara aman melalui kebijaksanaan dan rundingan para pemimpin terdahulu.

Kita harus berterima kasih kerana para pemimpin bukan sahaja menjelmakan kemerdekaan tetapi komited berusaha mengisi kemerdekaan. Terbukti negara mampu berdiri di atas kaki sendiri dan bergerak menuju kejayaan tanpa bergantung kepada penjajah.

Kita sebagai pewaris tanah air tercinta mesti terus mempertahankan kemerdekaan negara. Rakyat pelbagai kaum mesti bersatu padu hidup aman damai.

Kita tidak perlu menuntut kemerdekaan lagi, cuma perlu terus menumpahkan taat setia tidak berbelah bahagi. Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap tunjukkanlah cinta kepada negara dengan mengibarkan bendera. Cintailah tanah tumpah darah.

BELUM terlambat untuk mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif yang dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 berkuat kuasa 15 Ogos lalu menggantikan Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Secara kebetulan, tarikh pelantikan Maimunah pada 15 hari bulan sama dengan kedudukan selaku Datuk Bandar ke-15. Beliau mencatat sejarah wanita pertama menduduki kerusi Datuk Bandar sepanjang 52 tahun usia bandar raya Kuala Lumpur.

Sejak Kuala Lumpur diisytihar bandar raya pada 1 Februari 1972, semua Datuk Bandar adalah lelaki. Allahyarham Tan Sri Lokman Yusof dilantik Datuk Bandar pertama. Sebelum itu, Kuala Lumpur di bawah pentadbiran Pesuruhjaya Ibu Kota, Lokman selaku Pesuruhjaya. Justeru, memang wajar beliau dilantik Datuk Bandar pertama.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya warga kota teruja Maimunah menggalas tugas

menerajui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pelbagai cabaran menanti beliau menguruskan bandar raya terbesar di Malaysia yang juga ibu negara.

Pasti warga kota berharap Maimunah bukan sahaja meneruskan semua usaha baik yang dilaksanakan oleh Datuk Bandar sebelum ini, tetapi memastikan apa juga perancangan yang belum terlaksana dibereskan dan ditambah baik. Kesejahteraan ibu kota dan warganya perlu diutamakan.

Banyak cabaran perlu diharungi dan diberi perhatian oleh Maimunah. Daripada masalah perumahan, kesesakan lalu lintas, banjir, gelandangan, peniaga dan penjaja, sampah, kemudahan awam serta pendatang asing, semua memerlukan perhatian serius.

Isu perumahan, kesesakan lalu lintas misalnya adalah antara isu utama yang belum dapat diselesaikan secara tertuntas. Kesesakan lalu lintas menghantui warga kota saban hari.



WANITA PERLU MAHIR TEKNOLOGI DIGITAL

SABRINA SABRE

KEPENTINGAN bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) untuk memacu pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat sudah tidak dapat disangkal lagi.

Justeru, Timbalan Menteri Komunikasi, **Teo Nie Ching** berkata usaha meningkatkan celik digital dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk belia wanita perlu dipergiatkan bagi memastikan golongan itu lebih berdaya saing dan seharusnya melihat bagaimana kerangka teknologi berkenaan dapat membantu dari sudut pekerjaan, pencarian ilmu serta untuk kegunaan harian.

"Kemajuan pesat dalam teknologi memerlukan mereka mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti dan latihan berkaitan untuk bersedia menghadapi pasaran pekerjaan masa hadapan.

"Dalam konteks ini, menyokong penglibatan wanita dalam bidang STEM perlu dipertingkatkan bagi memperbaiki jurang antara lelaki dan wanita dalam bidang berkenaan yang seterusnya dapat membantu memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

"Apabila kita menggalakkan mereka untuk meneruskan pendidikan dan kerjaya dalam STEM, kita juga melabur untuk masa depan negara.

"Kajian menunjukkan bahawa mempunyai perwakilan wanita yang kuat cenderung untuk menjadi lebih inovatif dan mencatatkan prestasi lebih baik dari segi kewangan," katanya dalam ucapan perasmian di Forum Girls In ICT (GICT) 2024 pada Khamis.

Beliau berkata GICT 2024 anjuran pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) itu berfungsi sebagai platform penting dengan menghimpunkan wanita yang berjaya daripada pelbagai industri untuk berkongsi pengalaman serta kisah kejayaan mereka dalam ekosistem ICT dan

kepimpinan wanita.

"Forum yang menarik seramai 300 orang peserta termasuk peneraju industri, tetamu dan penuntut universiti itu adalah sebahagian daripada inisiatif MCMC sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang memfokuskan kepada celik huruf, pemerksaan sosial dan memperluas peluang dalam landskap teknologi Malaysia.

"Bertemakan Kepimpinan, GICT 2024 menumpukan kepada memperkasakan belia wanita dalam sektor ICT dengan menonjolkan model peranan wanita yang berjaya dan membincangkan strategi untuk menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman teknologi.

"Agenda forum ini menampilkan empat sesi dialog yang menumpukan kepada bidang seperti celik digital dan perkembangan kerjaya ICT belia wanita, kepentingan bimbingan dan rangkaian dalam kemajuan kerjaya, menangani cabaran jantina dalam industri teknologi serta impak sosial dan ekonomi ICT," ujarnya.

NADI PERKASA RAKYAT

BERDASARKAN laporan tahun lepas, Nie Ching berkata beberapa negara seperti Iceland, Belanda dan Amerika Syarikat (AS) sudah mencapai kemajuan ketara mempromosikan wanita dalam STEM.

"Iceland diiktiraf sebagai negara utama memperjuangkan wanita dalam STEM iaitu dengan menawarkan purata gaji tertinggi merentas semua peranan pekerjaan manakala Belanda berada pada kedudukan kedua yang menyaksikan peranan STEM tersedia bagi setiap 1,000 orang pekerja wanita.

"Iceland mempunyai inisiatif pendidikan yang menggalakkan belia wanita menyambung pengajian dalam STEM sekali gus menyumbang kepada peratusan

graduan wanita yang agak tinggi iaitu sebanyak 35 peratus. Belanda pula mempunyai purata gaji wanita yang tinggi dengan 29 peratus tenaga kerja wanita di negara ini berkait dengan STEM.

"Di samping itu, Amerika Syarikat (AS) mempunyai antara purata gaji wanita tertinggi. Penyelidikan mendedahkan bahawa 34 peratus lulusan STEM terdiri wanita dan 34 peratus berkaitan dengan bidang STEM. Ini berikutan AS mempunyai dasar peringkat persekutuan dan negeri yang menggalakkan kesaksamaan jantina dalam pendidikan," ujarnya.

Berdasarkan contoh-contoh ini, beliau berkata pihak MCMC memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi dan digital melalui Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

"Misi NADI adalah untuk memperkasakan rakyat Malaysia terutama di kawasan luar bandar dengan meningkatkan celik digital dan menyokong perniagaan dalam talian di peringkat tempatan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan MCMC, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus dalam ucapan alu-aluannya berkata agensi itu komited untuk memastikan semua pihak tanpa mengira jantina mendapatkan akses kepada pengetahuan serta kemahiran digital untuk membentuk masa depan ICT.

"Antara inisiatif tersebut adalah melalui Sukarelawan ICT Malaysia (MIV) yang mana ia menumpukan kepada pemerksaan sosial, menyediakan peluang dan bimbingan. Inisiatif ini memperkasakan ahlinya untuk menjadi pemimpin digital tempatan dan terlibat secara aktif dengan komuniti tempatan bagi meningkatkan perkembangan celik digital dalam kalangan rakyat Malaysia.

"MIV membantu merapatkan jurang jantina dalam teknologi. MIV telah mengambil dan melatih



lebih 11,000 sukarelawan sejak pelancaran program ini pada 2016," ujarnya.

Seterusnya, Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications, Wing K. Lee pula berkata amat penting bagi wanita khususnya golongan muda terlibat dalam landskap digital lebih-lebih dengan akses Internet yang ada pada era globalisasi ini.

"Nasihat saya kepada wanita agar terus menggunakan Internet, kekal ingin tahu, terus bersemangat dalam menimba ilmu dan mengikuti perkembangan terkini serta mahir

dalam menggunakan AI. Ini kerana AI mungkin tidak akan mengambil alih pekerjaan kita, tetapi orang yang tahu bagaimana menggunakan AI akan berbuat demikian.

"Dengan kuasa Internet dan hak akses yang sama rata, mereka boleh menggunakan Internet untuk belajar dan mendapatkan maklumat. Kunci kepada penggunaan AI bukanlah terletak pada kemahiran teknikal yang mendalam untuk membangunkan AI, tetapi lebih pada kemahiran dalam menggunakan alat AI seperti ChatGPT dan Gemini," ujarnya. 17



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan perjumpaan dengan diaspora Malaysia di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi SWCorp, Hee Loy Sian dan Pengarah SWCorp Kuala Lumpur, Abd Karim Salim bersama delegasi.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek menghadiri Majlis Penutup Program Pemantapan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan MADANI baru-baru ini.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh melawat Perkampungan Sukan SUKMA XXI Sarawak 2024 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi meninjau kemudahan yang disediakan buat atlet-atlet terlibat.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said menerima kunjungan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Yang Mulia Raja Datuk Nurshirwan Zainal Abidin, di pejabatnya pada Rabu.



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya.

 SEMINGGU

Putrajaya Wetland Adventure Park

DESTINASI CABAR ADRENALIN

SABRINA SABRE

WILAYAH Persekutuan Putrajaya kini menambah satu lagi tarikan pelancongan terbaharu iaitu Putrajaya Wetland Adventure Park yang pastinya menarik perhatian penggemar aktiviti lasak.

Terletak di kawasan hijau yang subur di sekitar Wetland Putrajaya, taman pengembaraan yang baru saja dirasmikan ini menawarkan pelbagai aktiviti mencabar yang menjanjikan pengalaman menakutkan kepada para pengunjung.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pelancaran Putrajaya Wetland Adventure Park sekali gus membuktikan komitmen pihaknya dalam memajukan sektor pelancongan dan rekreasi di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

"Antara aktiviti yang ditawarkan di sini adalah *flying fox*, *leap of faith*, *abseiling* dan *wall climbing*."

"Setiap aktiviti ini dirancang khusus untuk pengunjung yang ingin menguji keberanian sambil menikmati keindahan alam semula jadi di Putrajaya," ujar beliau.

Fadlun berkata *flying fox* merupakan aktiviti pengembaraan udara yang menarik dengan



PELBAGAI aktiviti menarik menanti pengunjung.

pemandangan menakutkan yang mana pengunjung akan meluncur dengan pantas dari satu *checkpoint* ke *checkpoint* lain, merasai hembusan angin segar sambil menikmati panorama landskap di bawah.

"Aktiviti ini bukan sahaja mencabar adrenalin anda, tetapi juga memberi peluang untuk melihat keindahan di sekitar Taman Wetland dari sudut yang berbeza.

"*Leap of faith* pula adalah salah satu lagi tarikan yang menanti pengunjung di sini. Aktiviti ini menguji keberanian anda untuk melompat dari ketinggian tertentu dan menangkap tali yang disediakan yang pastinya tidak dapat dilupakan.

"Seterusnya, *abseiling* menawarkan pengalaman turun dari ketinggian dengan cara yang selamat dan terkawal. Aktiviti ini memerlukan kemahiran dan

ketepatan kerana peserta akan turun menggunakan tali dari struktur yang tinggi.

"Ia adalah peluang untuk menguji kemahiran dan ketenangan anda dalam situasi yang mendebarkan sambil menikmati pemandangan sekitar yang indah.

"Akhir sekali, *wall climbing* di Putrajaya Wetland Adventure Park. Ia memberikan cabaran fizikal yang memerlukan kekuatan dan

kecekapan.

"Dinding panjang yang pelbagai tingkat ini direka untuk memberi cabaran kepada pendaki daripada pelbagai tahap kemahiran. Aktiviti ini sesuai untuk mereka yang baru belajar hinggalah pemanjat yang berpengalaman. Ia bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal tetapi juga strategi dan keazaman," ujarnya.

Dengan pelancaran ini, Fadlun berkata Putrajaya Wetland Adventure Park mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama untuk aktiviti pengembaraan dan rekreasi.

"Buat mereka yang berminat, jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan harga promosi sehingga 31 Ogos ini, kita tawarkan sebanyak 40 peratus diskaun buat para pengunjung, untuk dewasa berumur 13 tahun ke atas RM50 (asal RM88) manakala kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun hanya RM30 (RM68).

"Jadi, jika anda sedang mencari pengalaman pengembaraan yang mencabar dan menyeronokkan, jangan lepaskan peluang untuk mencuba aktiviti-aktiviti di Putrajaya Wetland Adventure Park. Rasai sendiri keseronokan serta cabaran yang ditawarkan!" ujar beliau. 

Tambah tempat duduk

KAPASITI tempat duduk awam bertingkat di Dataran Putrajaya akan ditambah bagi menjamin keselesaan orang ramai yang akan berhimpun di kawasan itu bagi menyaksikan pelbagai persembahan pada sambutan Hari Kebangsaan yang akan berlangsung pada 31 Ogos ini.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata tambahan kemudahan itu bertujuan untuk memastikan semua pengunjung yang dianggarkan menjangkau 200,000 orang itu dapat merasai kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 tahun ini.

"Secara umumnya kita akan gandakan jumlahnya berbanding tahun lepas. Pada sambutan Hari Kebangsaan 2023, lebih 100,000 pengunjung hadir menyaksikan kemeriahan sambutan itu yang merupakan anjuran sulung Kerajaan Perpaduan.

"Bagi memudahkan dan menambah lagi keselesaan pengunjung pada hari sambutan itu nanti, 14 skrin LED bersaiz gergasi turut ditempatkan di beberapa tempat di sepanjang jalan menghala ke arah Dataran Putrajaya," ujar beliau.

Sementara itu, Fahmi yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia (HKHM) 2024 berkata perkhidmatan teksi air turut disediakan oleh

pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi memudahkan pergerakan pengunjung dari kawasan parkir ke Dataran Putrajaya.

"Saya difahamkan ada beberapa laluan akan ditutup pada 31 Ogos ini untuk pastikan pengunjung dapat menikmati suasana sambutan Hari Kebangsaan dengan selesa. Jadi, kita sediakan beberapa kemudahan pengangkutan awam termasuk teksi air.

"Terdapat sekurang-kurangnya empat lokasi yang boleh dinaiki pengunjung dan membawa mereka ke lokasi berdekatan dengan kawasan perbarisan serta

perarakan," ujarnya.

Sebanyak 8,000 kerusi serta 100 reruai penjaja disediakan untuk pengunjung pada sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka dipilih sebagai tema sambutan HKHM tahun ini. Raptai penuh sambutan akan berlangsung selama tiga hari dari 27 hingga 29 Ogos ini di Dataran Putrajaya.

Orang ramai yang ingin menyaksikan raptai penuh disarankan untuk mengikuti arahan pada papan tanda yang disediakan di kawasan tersebut berikutan penutupan jalan. 



SEMANGAT patriotik dapat dilihat pada segenap lapisan masyarakat di Sambutan Hari Kebangsaan 2023.



FADLUN (tengah) ketika Majlis Penyerahan Jalur Gemilang sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di perkarangan Kompleks PPj.

Jiwa Merdeka

SEBANYAK 19,044 Jalur Gemilang dipasang di jalan utama dan bangunan kemudahan awam di bawah seliaan Perbadanan Putrajaya (PPj) sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 pada 31 Ogos ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, inisiatif tersebut selaras dengan pemilihan pusat pentadbiran kerajaan itu sebagai lokasi sambutan.

"Sebanyak 2,000 Jalur Gemilang turut diedarkan kepada warga PPj bagi menyuntik semangat patriotik.

"PPj turut menyerahkan Jalur Gemilang kepada Pejabat Perdana Menteri dan komuniti Putrajaya untuk dikibarkan sepanjang Bulan Kemerdekaan ini," ujar beliau.

Turut hadir Naib Presiden

Perkhidmatan Korporat PPj, Shamsul Joehari Zainal Mokhtar dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Ramlee Yatim.

Fadlun berkata pihaknya turut memasang Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi PPj.

"Bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan kali ini, PPj turut menganjurkan Floria Diraja Putrajaya 2024 yang juga merupakan acara ikonik dan bertaraf dunia bermula 22 Ogos hingga 1 September ini di Monumen Alaf Baru, Presint 2.

"Festival bertemakan Raikan Bersama! itu mengangkat bunga Petunia yang terkenal dalam kalangan pencinta tanaman hiasan sebagai bunga tema," ujarnya. 

SABRINA SABRE

SUKMA platform terbaik

LAHIR ATLET ELIT NEGARA

SUKAN Malaysia (SUKMA) merupakan platform penting untuk menyediakan atlet elit negara untuk beraksi di Sukan Olimpik kelak.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata seorang atlet yang beraksi di Olimpik tidak muncul begitu sahaja dan prestasi mereka adalah hasil usaha selama bertahun lamanya.

"Bakat yang kita asah di peringkat daerah, di peringkat negeri seperti SUKMA inilah bakat yang menjadi harapan negara di temasya sukan antarabangsa.

"Atlet kita di sini adalah bakal atlet kita di Olimpik kelak. Mungkin dalam kalangan kita ada atlet Olimpik Brisbane 2032. Itulah pentingnya platform seperti SUKMA yang perlu diberi penekanan yang lebih tinggi," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian SUKMA 2024 yang berlangsung di Stadium Sarawak pada Khamis.

Dalam masa sama, beliau turut menekankan mengenai kepentingan semangat kesukanan sama ada semasa atau selepas bertanding.

"Saya menggunakan contoh wira dan wirawati negara yang mengharumkan nama Malaysia di Sukan Olimpik Paris 2024.

"Walaupun diduga dengan penyingkiran pada penampilan yang dirancang sebagai Olimpik terakhirnya, jaguh berbasikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang

tetap memberitahu penyokongnya bahawa beliau masih belum berputus asa," ujarnya.

Sementara itu, Hannah berkata tuan rumah Sarawak adalah tempat terbaik untuk merealisasikan semangat perpaduan.

"Apabila saya melihat keliling stadium ini, saya merasakan bahawa ini adalah Malaysia. Atlet muda dari seluruh pelosok negara diimpunkan di satu tempat.

"Sebagai atlet muda negara yang mempunyai penyokong dan peminat yang ramai, anda semua mempunyai peranan untuk memastikan ekosistem sukan yang mengutamakan perpaduan, menggalakkan persaingan sihat dan tidak toksik," ujar beliau.

SUKMA 2024 menyaksikan 37 jenis sukan dipertandingkan membabitkan 488 acara terdiri daripada 236 acara lelaki, 217 acara wanita dan 35 lagi acara campuran lelaki dan wanita selain melibatkan sembilan bahagian iaitu di Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sibul, Mukah, Bintulu dan Miri.

Sebagai rekod, SUKMA yang diperkenalkan pada 1986 telah dianjurkan di Sarawak sebanyak dua kali iaitu pada 1990 dan 2016. 



HANNAH ketika Majlis Perasmian SUKMA XXI Sarawak 2024.

MPM yakin capai misi

MAJLIS Paralimpik Malaysia (MPM) bersedia mengubati kekecewaan rakyat Malaysia yang belum melihat kilauan emas pertama negara di Sukan Olimpik Paris 2024.

Kini tiba giliran atlet para menggalas cabaran negara pada temasya Sukan Paralimpik Paris 2024.

Presiden MPM, **Datuk Seri Megat D Shahrizan Zaharudin** optimis kontinjen negara mampu mencapai sasaran misi empat emas di Paris 2024 sekali gus melengkapkan keseluruhan 10 emas diraih Malaysia sepanjang penglibatan mereka di Sukan Paralimpik.

"MPM berserta 25 persatuan gabungan kami amat menyokong penuh dan yakin dengan barisan atlet ke Paris nanti. Atlet pun sangat fokus dan pada masa sama saya nak mereka berjuang berhabis-habisan.

"Akuntabiliti kita akan terus dapatkan emas dengan cara apa



ANTARA barisan atlet Sukan Paralimpik 2024.

sekali pun. Jika boleh kita akan ubati hati rakyat Malaysia," katanya semasa Majlis 10 Days Countdown menjelang Sukan Paralimpik 2024 pada Sabtu.

Kontinjen negara masih kempen untuk menghadihkan emas sulung pada Sukan Olimpik selepas membawa pulang dua gangsa dalam acara badminton menerusi juara beregu lelaki dunia 2022, Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan pemain perseorangan lelaki profesional, Lee Zii Jia di Olimpik Paris 2024.

Pencapaian di Sukan Paralimpik pula menyaksikan Malaysia setakat ini telah mengumpul enam emas secara keseluruhan dengan tiga daripadanya diperolehi di Rio 2021 dan tiga lagi diraih di Tokyo 2020.

Dalam masa sama, Megat D Shahrizan berkata akan memastikan tiada unsur kontroversi mencemari perjalanan kontinjen negara di Paris 2024

dengan sentiasa mengingatkan atlet agar cuba mengelak daripada insiden tidak diingini berlaku termasuk dibatalkan penyertaan sewaktu hari pertandingan.

"Kita sedia berdepan kritikan termasuk di media sosial sekiranya kontinjen negara gagal mencapai misi ditetapkan pada Sukan Paralimpik kali ini.

"Biarpun mereka yang bertanding adalah atlet kurang upaya, namun kritikan sememangnya diperlukan memandangkan status mereka sebagai atlet berprestasi tinggi dan berkelat dunia.

"Netizen ketika ini tahu mana yang betul mana yang salah, bagi saya ia biasa, tak salah jika dikritik," ujar beliau.

Malaysia membariskan seramai 30 atlet dalam lapan jenis sukan pada Sukan Paralimpik Paris 2024 yang dijadual berlangsung pada 28 Ogos hingga 8 September ini. 

Malaysia bangga jadi tuan rumah

MALAYSIA akan menjadi tuan rumah bagi edisi kedua Piala Dunia Kriket Wanita Bawah 19 Tahun (B-19) dari 18 Januari hingga 27 Februari tahun depan.

Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) memaklumkan Malaysia menjadi tuan rumah tunggal selepas Thailand menarik diri sebagai hos bersama bagi kejohanan dunia itu.

Sebanyak 41 perlawanan terdiri daripada 16 pasukan akan diadakan di empat venue di Selangor, Johor dan Sarawak.

Bayuemas Oval di Klang, Selangor akan menjadi tuan rumah perlawanan Kumpulan A melibatkan juara bertahan India, West Indies, Sri Lanka dan penampilan pertama Malaysia serta perlawanan akhir pada 2 Februari.

Perlawanan Kumpulan B terdiri daripada pasukan England, Pakistan, Ireland dan Amerika Syarikat dijadualkan di Akademi Kriket Dato' Dr Harjit Singh Johor (JCA Oval).

Padang Kriket Petra Jaya di Kuching akan menjadi tuan rumah bagi perlawanan Kumpulan C melibatkan New Zealand, Afrika Selatan, Kelayakan Afrika dan Samoa, yang akan beraksi dalam Piala Dunia ICC buat kali pertama.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) YSD Oval di Bangi, Selangor

akan menjadi tuan rumah bagi Australia, Bangladesh, Kelayakan Asia dan Scotland.

Menurut Pengarah Kejohanan Hos, Dinesh Muthuraman, Malaysia bangga menjadi tuan rumah kejohanan itu dengan meneruskan tradisinya menyokong pertumbuhan kriket di pentas global.

"Pada 2008, kami mendapat penghormatan untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia Lelaki B-19 yang mana bintang semasa seperti Virat Kohli, Kane Williamson dan Trent Boult antara ramai yang lain memperkenalkan bakat mereka.

"Kini tiba giliran kriket wanita dan kami yakin Piala Dunia T20 Wanita B-19 ini akan menjadi landasan pelancaran untuk legenda kriket generasi akan datang.

"Kriket wanita mengalami pertumbuhan yang tidak pernah berlaku sebelum ini di Malaysia dan di seluruh dunia. Kami yakin sepenuhnya bahawa Piala Dunia ini akan mempercepatkan lagi momentum itu, membawa kepada perkembangan ketara dalam sukan terutama untuk kriket wanita," ujar beliau.

Sebagai rekod, India dinobatkan sebagai juara pertama selepas menewaskan England dengan tujuh wicket semasa edisi sulung di Afrika Selatan tahun lalu. 

PAWAGAM MASIH RELEVAN?

PEREDARAN zaman membuatkan filem khususnya karya tempatan di pawagam terpaksa bersaing dengan perkidmatan penstriman media, Over The Top (OTT). Situasi ini menjadi lebih ketara apabila negara dilanda pandemik COVID-19 beberapa tahun lepas.

Akibatnya, ramai produser terpaksa beralih ke platform digital seperti Netflix, Disney+, Mubi, Viu, iQiyi dan stesen berbayar seperti Astro First sebagai pilihan memasarkan produk mereka.

Bukan itu sahaja, menerusi OTT ini juga penonton mempunyai lebih banyak pilihan filem dan drama dari seluruh dunia tanpa perlu ke pawagam. Harganya juga lebih murah dan mempunyai pakej-pakej tertentu. Rentetan itu, segelintir pihak berpendapat pawagam tidak lagi relevan. Sejauh mana tanggapan itu? **DEEL ANJER** sempat mengupas isu ini.

Teknologi penuh kehendak penonton

PENGEDAR filem, **Mohamad Zubir Badar Shair** dari Empire Film Solution berpendapat pawagam sentiasa relevan kerana penonton mahukan kualiti dan kepuasan.

"Bagi saya pawagam masih relevan. Ini

kerana *feel* atau pengalaman menonton di pawagam sebenarnya banyak perbezaannya berbanding kita menonton di rumah. Kiranya *cinematic experience* takkan dapat di rumah.

"Tambahan pula, ramai penonton yang nak *enjoy* dari segi kualiti gambar, video, bunyi dan sebagainya. Pawagam sekarang pun dah banyak naik taraf 4D, Max dan lain-lain.

"Teknologi pawagam itu sendiri seiring dengan selera atau kehendak penonton. Apa yang mereka rasa di pawagam ini takkan sama dengan menonton di rumah. Sangat berbeza.

"Kalau boleh, sudah tentu kita mahukan sedikit kelainan apabila menonton filem yang kita suka. Jalan cerita bagus, pelakon hebat ditambah dengan teknologi pawagam itu sendiri, antara tarikan utama penonton untuk terus ke pawagam," ujarnya.

Selain itu, tugas pengedar filem juga memainkan peranan penting dalam menarik penonton ke pawagam.

"Bukan sahaja mengedarkan filem itu ke pawagam. Ia termasuk menguruskan sesebuah filem itu untuk ditayangkan di pawagam bermula dari peringkat Lembaga Penapisan Filem (LPF) sehingga ke Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

"Saya juga membuat promosi serta mengatur strategi pemasaran untuk filem yang bakal ditayangkan itu. Biasanya saya akan buat promosi filem tersebut selama tiga bulan sebelum ditayangkan.

"Kalau ikutkan dah banyak filem yang saya edarkan antaranya adalah Zim Zim Ala Kazim, Memoir Seorang Guru, Buas, Mat Tudung, Pendekar Awang dan banyak lagi," ujarnya.



Pengalaman luar biasa

SELEBRITI Kilafairy menolak pendapat yang mengatakan pawagam tidak lagi relevan kerana menurutnya segelintir penonton tetap mahukan kelainan dan rasa yang berbeza berbanding di rumah.

Bagi pemilik nama sebenar Syakila Nisa Jahangir Khan, 32, pawagam tetap menjadi keutamaan untuk menonton filem.

"Terdapat filem-filem yang hanya seronok atau sesuai ditonton hanya di pawagam. Kalau ada yang tanya kenapa, sudah tentu *feel* di pawagam berbeza berbanding menonton filem di rumah atau menerusi platform OTT. Sangat berbeza.

"Misalnya kalau tonton filem aksi atau seram, rasa atau penghayatannya lebih puas kerana situasi pawagam itu sendiri. Jika tonton filem seram, rasa takut itulah kepuasan atau kemuncaknya. Anda sukar untuk mendapatkan rasa itu di rumah. *Feel* atau rasa itu sangat penting apabila menonton filem. Kalau tidak, takkanlah ramai yang masih ke pawagam dan banyak filem dapat kutipan yang tinggi dan luar biasa," katanya.

Kilafairy juga berasakan menonton filem di pawagam menjadikannya lebih fokus berbanding ketika berada di rumah.

"Also you are more focus in cinema pasal bila di rumah macam-macam berlaku misalnya anak menangis, sekejap-sekejap ke dapur cari makan, pergi ke tandaslah dan banyak lagi.

"Jadi fokus itu lebih baik di pawagam. Iyalah, kalau boleh kita nak fokus menonton filem yang kita tunggu-tunggu tayangannya," tambahnya lagi.

Persaingan sihat

PELAKON filem Khurafat: Perjanjian Syaitan dan Showtime 1958, **Shah Iskandar** berpendapat pawagam masih relevan meskipun platform OTT kini menjadi pilihan ramai.

Bagi Shah, kejayaan banyak filem yang ditayangkan selepas pandemik COVID-19 tetap mendapat kutipan luar jangkaan seperti Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan yang meraih RM97 juta Polis EVO 3 (RM54 juta) dan Sheriff: Narko Integriti (RM64 juta), membuktikan pawagam masih relevan.

"Secara peribadi, bagi saya walaupun ada OTT, pawagam tetap relevan. Memang sejak pandemik dulu, ramai beralih dan lebih gemar menonton filem di OTT, namun banyak filem di pawagam masih menjadi pilihan.

"Kalau nak kata pawagam sudah tak relevan, mana mungkin filem-filem ini mendapat kutipan tinggi. Ia sudah cukup membuktikan sebenarnya ramai yang suka menonton filem di pawagam," katanya.

Shah juga menyifatkan kewujudan platform OTT adalah satu persaingan sihat kepada pawagam.

"Bagi saya, OTT bukanlah ancaman kepada pawagam malah satu cabaran peredaran masa dalam zaman yang moden seperti hari ini. Jangan kerana adanya OTT, orang nak kata pawagam tak relevan. Ini kerana orang yang menonton di OTT boleh juga ke pawagam. Begitulah juga sebaliknya.

"Selain itu, baik pawagam atau OTT, keduanya membantu anak-anak seni dalam mencari rezeki. Ini satu perkembangan yang bagus dan membawa kebaikan kepada sektor ekonomi negara," tambahnya.

Shah bakal muncul dalam drama bersiri Polis Peronda terbitan Skop Production dengan membawa watak sebagai Korporal Bani selain teater Cinta Ahmad Mutawakil yang bakal dipentaskan di Putrajaya.





**Pengalaman
luar biasa** ▶▶ 23

**MPMyakin
capaimisi** ▶▶ 22

Sedekah beri manfaat kepada si mati

SUNAT ANJUR KENDURI ARWAH

SYED HAZIQUE

JODOH, pertemuan, ajal dan maut segalanya sudah ditentukan oleh Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa. Segala perjalanan kehidupan seorang insan bernama manusia sudah tertulis. Begitulah juga saat ajal menjemput. Kita tidak akan tahu bila malaikat Izrail akan datang mencabut nyawa.

Berbicara soal kematian, wujudnya pandangan mengatakan majlis tahlil yang diadakan ntuk mendoakan kesejahteraan roh orang yang telah meninggal dunia tidak bersesuaian untuk dilakukan kerana perbuatan itu seperti meraikan kematian.

Namun penganjuran majlis tahlil atau kenduri arwah begitu sinonim dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini apabila berlakunya kematian terutamanya dalam kalangan ahli keluarga.



MOHAMAD

Amalan tersebut merupakan gabungan antara bacaan ayat dan surah daripada Al-Quran, zikir kepada Allah SWT yang merangkumi tasbeih, tahmid, takbir dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta memberi makan kepada orang ramai.

Sejauh mana perlunya perbuatan menganjurkan kenduri arwah masih diperkatakan sehingga kini dan dalam masa yang sama segelintir masyarakat di luar sana masih mendambakan jawapan perihal perkara tersebut.

Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, **Datuk Mohamad Abdullah** berkata agama Islam itu mudah dan kita sebagai umat Islam tidak perlu membina pagar sehingga membataskan segalanya-galanya.

Menurut Mohamad, melaksanakan kenduri untuk si mati adalah termasuk sedekah kepada si mati.

“Dalam al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syafie Jilid 1 ada menyebutkan bahawa ijmak ulama bahawa sedekah untuk si mati memberi manfaat kepada si mati dan pahalanya sampai kepada si mati berdasarkan sabit banyak hadis.

“Antaranya hadis riwayat Aisyah RA bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW (maksudnya): Adakah memberi manfaat kepada si mati iaitu ibunya sekiranya ia memberi sedekah untuk ibunya. Rasulullah SAW menjawab: Ya.

“Maka hukum melaksanakan kenduri untuk si mati adalah sunat. Selain itu amalan lain untuk si mati adalah berdoa, membaca Al-Quran, bersedekah dan berwafaf berniat pahala untuk si mati,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Mohamad berkata tahlil merupakan satu amalan nusantara yang sudah terbentuk sejak sekian lama oleh masyarakat.

“Amalan tersebut yang diamalkan



TAHLIL merupakan amalan nusantara yang terbentuk sejak sekian lama oleh masyarakat.

ini tidak bertentangan dengan syariat Islam kerana pengisiannya lebih kepada mengingatkan kepada Allah SWT.

“Dalam majlis tahlil itu adanya doa, sedekah dan bacaan Al-Quran untuk Allahyarham. Justeru, si mati juga diberi ganjaran pahala,” ujarnya.

Namun, jelas Mohamad, amalan kenduri adalah bergantung kepada kemampuan masing-masing. Sekurang-kurangnya membaca Al-Quran dan berdoa untuk si mati.

“Hendaklah juga majlis tahlil yang dilaksanakan tersebut tidak mengandungi perkara-perkara yang menyalahi syariat Islam.

“Di samping itu, amalan memberi sumbangan kepada penganjur tahlil pada asalnya adalah juga diharuskan.

“Walau bagaimanapun, terdapat amalan dalam kalangan masyarakat yang menetapkan sumbangan tertentu untuk nama-nama arwah yang diberikan kepada penganjur majlis tahlil, ia jelas berlainan daripada amalan asal tersebut.

“Ini kerana penetapan jumlah tertentu untuk nama-nama arwah akan menyebabkan seolah-olah berlakunya akad jual beli antara penyumbang dan penganjur kepada majlis tahlil tersebut,” ujarnya.

Walau bagaimanapun, Mohamad

menegaskan hukumnya boleh menjadi haram apabila melakukan kenduri arwah jika ahli keluarga dipaksa untuk berbuat demikian sedangkan mereka berdepan dengan pelbagai kekangan lain.

“Ahli keluarga pula terpaksa menayakan kenduri itu tanpa kerelaan dan keikhlasan mereka. Lebih teruk lagi apabila kos jamuan diambil sepenuhnya daripada duit pusaka yang belum diagih-agihkan kepada mereka yang berhak. Perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku dan perlu dijauhi untuk mengelak kemurkaan Allah SWT,” ujar beliau.



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

